



SASTERA

SENI MUZIK

SENI HALUS
2022/2023

PUSAT PENGAJIAN SENI

SARJANA MUDA SENI MUZIK (KEPUJIAN)

SARJANA MUDA SENI HALUS (KEPUJIAN)

SARJANA MUDA SASTERA (SENI HALUS) (KEPUJIAN)

2022/2023

www.usm.my



Mentransformasikan Pendidikan Tinggi
untuk Kelestarian Hari Esok

MISI DAN VISI UNIVERSITI

Wawasan

Mentransformasi Pengajian Tinggi Untuk Kelestarian Hari Esok

Misi

USM ialah universiti perintis, berintensifkan penyelidikan rentas bidang yang memperkasakan bakat masa hadapan dan mengupayakan golongan terke bawah demi mentransformasi kesejahteraan sosioekonomi mereka.

MISI DAN VISI PUSAT PENGAJIAN SENI

Visi

Memacu Pusat Pengajian Seni sebagai pusat penyediaan pendidikan seni yang mampan melalui akademik, prestasi dan penyelidikan

Misi

Memperkasakan bakat masa depan untuk memimpin dan berkhidmat kepada industri kreatif dan komuniti seni melalui pengetahuan yang kompeten, kemahiran yang berkesan dan responsif kepada perubahan (menjadi agen perubahan).

MAKLUMAT PERIBADI PELAJAR

Nama Penuh	
No. Kad Pengenalan	
Alamat Penggal	
Alamat Tetap	
Alamat E-mel	
No. Telefon Rumah	
No. Telefon Selular (jika ada)	
Pusat Pengajian	
Program Pengajian	

Wawasan dan Misi USM	i
Maklumat Peribadi Pelajar	ii
Isi Kandungan	iii - v
Kalendar Akademik – Sidang Akademik 2022/2023	vi
Carta Organisasi Pengurusan Tertinggi Pusat Pengajian Seni, USM	vii
Senarai Kakitangan Akademik, Pusat Pengajian Seni	viii - x
1.0 PENGENALAN	
1.1 Pusat Pengajian Seni	1 - 6
1.2 Rancangan-rancangan Pengajian	
1.3 Objektif	
1.4 Hasil Pembelajaran	
2.0 SISTEM AKADEMIK DAN MAKLUMAT AM	
2.1 Aktiviti Pendaftaran Kursus	7 – 13
2.1.1 Urus Setia Pendaftaran Kursus Sarjana Muda dan Diploma	13-14
2.1.2 Platform Pendaftaran Kursus	
2.1.3 Panduan Am Pendaftaran Kursus	
2.1.4 Maklumat /Dokumen yang Diberikan kepada Semua Pelajar Menerusi Portal <i>CampusOnline</i>	
2.1.5 Pendaftaran Kursus Bahasa dan Kokurikulum	
2.1.6 Pendaftaran Kursus 'Audit' (berkod jenis Y)	
2.1.7 Pendaftaran Kursus 'Prasyarat' (berkod jenis Z)	
2.1.8 Pendaftaran dan Penambahan Kursus Lewat	
2.1.9 Penguguran Kursus	
2.1.10 Slip Pengesahan Pendaftaran Kursus	
2.1.11 Semakan dan Pengemaskinian Data / Maklumat / Rekod Peribadi dan Akademik Pelajar	
2.1.12 Penasihat Akademik	
2.2 Takrifan Unit /Kredit /Kursus	14 – 19
2.2.1 Unit	14 – 19
2.2.2 Unit Kredit Terkumpul	
2.3 Sistem Peperiksaan	
2.3.1 Tempoh Peperiksaan	
2.3.2 Penghalangan Peperiksaan	
2.3.3 Sistem Purata Nilai Gred	
2.3.4 Kursus Semasa Cuti Panjang (KSCP)	
2.3.5 Taraf Akademik	
2.3.6 Penalti Tidak Menduduki Peperiksaan	
2.3.7 Penamatan Pencalonan	
2.3.8 Keputusan Peperiksaan	
2.3.9 Semakan Semula Keputusan Peperiksaan	

2.4	Pengecualian Unit	19-22
2.4.1	Pengecualian Unit	
2.4.2	Peraturan dan Pelaksanaan Pengecualian Unit	
2.4.3	Jumlah Pengecualian Semester	
2.4.4	Tatacara Permohonan bagi Pengecualian Unit	
2.5	Pemindahan Kredit	22
2.5.1	Tatacara Permohonan untuk Mengikuti Kursus/Pemindahan Kredit	
2.6	Integriti Akademik	24
2.6.1	Kesan Pelanggaran Intergriti Akademik	
2.7	Program Mentor USM	29
2.8	Rancangan Pertukaran Pelajar	29
2.8.1	Skim Belajar Luar Negara (SBLN)	
2.8.2	Rancangan Pertukaran Pelajar Antara IPT (RPPIPT)	
2.9	Pemilikan Hak Milik Disertasi/Laporan Projek/Tesis Pelajar dan Harta Intelek Universiti	31
2.9.1	Hak Milik Disertasi/Laporan Projek/Tesis Pelajar dan Harta Intelek Universiti	
3.0	KEPERLUAN UNIVERSITI	
3.1	Ringkasan Keperluan Universiti	32
3.2	Komponen Mata Pelajaran Umum (MPU)	33
3.3	Opsyen	42
4.0	RANCANGAN MAJOR	
4.1	Ijazah Sarjana Muda Sastera [Kepujian] (Seni Halus)	45
4.1.1	Keperluan Unit Untuk Pengijazahan	
4.1.2	Bidang Pengkhususan dan Cadangan Skema Penawaran	
4.1.3	Panduan Taburan Pendaftaran Kursus Mengikut Tahun dan Semester Pengajian	
4.2	Ijazah Sarjana Muda Seni Halus (Kepujian) (Lakonan dan Pengarahan)	52
4.2.1	Keperluan Kredit Untuk Pengijazahan	
4.2.2	Bidang Pengkhususan dan Cadangan Skema Penawaran	
4.2.3	Panduan Taburan Pendaftaran Kursus Mengikut Tahun dan Semester Pengajian	
4.3	Ijazah Sarjana Muda Seni Halus (Kepujian) (Grafik Komunikasi)	57
4.3.1	Keperluan Kredit Untuk Pengijazahan	
4.3.2	Bidang Pengkhususan dan Cadangan Skema Penawaran	
4.3.3	Panduan Taburan Pendaftaran Kursus Mengikut Tahun dan Semester Pengajian	

4.4	Ijazah Sarjana Muda Seni Halus (Kepujian) (Rekabentuk dan Teknologi Media Baru)	63
4.4.1	Keperluan Kredit Untuk Pengijazahan	
4.4.2	Bidang Pengkhususan dan Cadangan Skema Penawaran	
4.4.3	Panduan Taburan Pendaftaran Kursus Mengikut Tahun dan Semester Pengajian	
4.5	Ijazah Sarjana Muda Seni Halus (Kepujian) (Rekabentuk Produk)	69
4.5.1	Keperluan Kredit Untuk Pengijazahan	
4.5.2	Bidang Pengkhususan dan Cadangan Skema Penawaran	
4.5.3	Panduan Taburan Pendaftaran Kursus Mengikut Tahun dan Semester Pengajian	
4.6	Ijazah Sarjana Muda Seni Muzik (Kepujian) (Seni Persembahan dan Pedagogi)	76
4.6.1	Keperluan Kredit Untuk Pengijazahan	
4.6.2	Bidang Pengkhususan dan Cadangan Skema Penawaran	
4.6.3	Panduan Taburan Pendaftaran Kursus Mengikut Tahun dan Semester Pengajian	
4.7	Rancangan Minor	87
5.0	MAKLUMAT AM	
5.1	Prospek Graduan Di Dalam Pasaran Semasa	92
5.2	Anugerah Sijil Dekan	95
5.3	Pengajian Tinggi	95
5.4	Skim Belajar Ke Luar Negara	95
6.0	KEMUDAHAN	95
7.0	SINOPSIS KURSUS-KURSUS	
7.1	Kursus Asas / Teras / Universiti	96
7.2	Kursus Di Bawah Pengkhususan	97
-	Ijazah Sarjana Muda Sastera [Kepujian] (Seni Halus)	97
-	Ijazah Sarjana Muda Seni Halus [Kepujian]	103
•	Grafik Komunikasi	103
•	Lakonan dan Pengarahan	108
•	Reka Bentuk dan Teknologi Media Baru	113
•	Reka Bentuk Produk	119
-	Ijazah Sarjana Muda Seni Muzik [Kepujian] (Seni Persembahan dan Pedagogi)	124
8.0	MAKLUM BALAS PELAJAR	131

KALENDAR AKADEMIK - SIDANG AKADEMIK 2022/2023

BAGI SEMUA RANCANGAN (KEJUJUALAN PROGRAM DOKTOR PERUBATAN DAN DOKTOR PERGIAGIAN)

Kampus Induk : Pendaftaran Pelajar Baharu (07 - 09 Oktober 2022) / **Minggu Siswa Lestari (10 - 14 Oktober 2022)
 Kampus Kejuruteraan : Pendaftaran Pelajar Baharu (08 Oktober 2022) / **Minggu Siswa Lestari (08 - 14 Oktober 2022)
 Kampus Kesihatan : Pendaftaran Pelajar Baharu (09 Oktober 2022) / **Minggu Siswa Lestari (09 - 13 Oktober 2022)

SEBU	BINGGU	AKTIVITI	TARIKH	CATATAN
SEMESTER 1	1	(PSP 7 Minggu)	Isnin, 17.10.2022 - Asad, 26.10.2022	
	2		Isnin, 24.10.2022 - Asad, 30.10.2022	24.10.2022 Isnin - Hari Disasah*
	3		Isnin, 31.10.2022 - Asad, 06.11.2022	
	4		Isnin, 07.11.2022 - Asad, 13.11.2022	11.10.2022 - 13.11.2022, Jumaat, Sabtu & Ahad - Hari Keperluan Bilan Kelantan (Mekah)
	5		Isnin, 14.11.2022 - Asad, 20.11.2022	
	6		Isnin, 21.11.2022 - Asad, 27.11.2022	
	7		Isnin, 28.11.2022 - Asad, 04.12.2022	
	8	Cuti Peringatan Samadai (1 Minggu)	Isnin, 05.12.2022 - Asad, 11.12.2022	
	9	(PSP 7 Minggu)	Isnin, 12.11.2022 - Asad, 18.12.2022	
	10		Isnin, 19.12.2022 - Asad, 25.12.2022	25.12.2022 Ahad - Hari Krismas
	11		Isnin, 26.12.2022 - Asad, 01.01.2023	26.12.2022 Isnin - Hari Krismas (Gub. Selangor) 01.01.2023 Ahad & Isnin - Tahun Baharu 2023
	12		Isnin, 02.01.2023 - Asad, 08.01.2023	
	13		Isnin, 09.01.2023 - Asad, 15.01.2023	
	14		Isnin, 16.01.2023 - Asad, 22.01.2023	22.01.2023 Ahad - Tahun Baharu Cina
	15		Isnin, 23.01.2023 - Asad, 29.01.2023	23.01.2023 Isnin - Hari Sukan - Tahun Baharu Cina
	16	Minggu Ulang Kali (1 Minggu)	Isnin, 30.01.2023 - Asad, 05.02.2023	04.02.2023, Sabtu - Hari Trajangan**
	17	Peperiksaan (3 Minggu)	Isnin, 06.02.2023 - Asad, 12.02.2023	
	18		Isnin, 13.02.2023 - Asad, 19.02.2023	
	19		Isnin, 20.02.2023 - Asad, 26.02.2023	
	20	Cuti Arkib Samadai/Latihan Industri (1 Minggu)	Isnin, 27.02.2023 - Asad, 05.03.2023	
21	Isnin, 06.03.2023 - Asad, 12.03.2023			
22	Isnin, 13.03.2023 - Asad, 19.03.2023			
23	Isnin, 20.03.2023 - Asad, 26.03.2023		23.03.2023, Khamis - Awal Ramadhan	
24	Isnin, 27.03.2023 - Asad, 02.04.2023			
25	(PSP - 7 Minggu)		Isnin, 03.04.2023 - Asad, 09.04.2023	08.04.2023, Sabtu - Nuzul Al-Quran
26			Isnin, 10.04.2023 - Asad, 16.04.2023	
27		Isnin, 17.04.2023 - Asad, 23.04.2023	22.04.2023 Sabtu & Ahad - Hari Raya Aidilfitri**	
28		Isnin, 24.04.2023 - Asad, 30.04.2023	24.04.2023 Isnin - Hari Raya Aidilfitri**	
29		Isnin, 01.05.2023 - Asad, 07.05.2023	01.05.2023 Isnin - Hari Raya	
30		Isnin, 08.05.2023 - Asad, 14.05.2023	04.05.2023, Khamis - Hari Meleak	
31		Cuti Peringatan Samadai (1 Minggu)	Isnin, 15.05.2023 - Asad, 21.05.2023	
32	(PSP - 7 Minggu)	Isnin, 22.05.2023 - Asad, 28.05.2023		
33		Isnin, 29.05.2023 - Asad, 04.06.2023	06.06.2023, Sabtu & Ahad - Pesta Khamatan (Sabah)	
34		Isnin, 05.06.2023 - Asad, 11.06.2023	01.06.2023, Sabtu & Ahad - Hari Dawai (Sarawak)	
35		Isnin, 12.06.2023 - Asad, 18.06.2023	05.06.2023 Isnin - Hari Kerehuan YDP Zang	
36		Isnin, 19.06.2023 - Asad, 25.06.2023		
37		Isnin, 26.06.2023 - Asad, 02.07.2023	29.06.2023, Sabtu & Ahad - Hari Raya Haji**	
38		Isnin, 03.07.2023 - Asad, 09.07.2023	07.07.2023, Jumaat - Hari Sastera Warisan Dunia Georgetown 08.07.2023, Sabtu - Hari Jeda Yang di-Padau Negara Pulau Pinang	
39	Minggu Ulang Kali (1 Minggu)	Isnin, 10.07.2023 - Asad, 16.07.2023		
40	**Peperiksaan (2 Minggu)	Isnin, 17.07.2023 - Asad, 23.07.2023	19.07.2023, Rabu - Awal Muharram	
41		Isnin, 24.07.2023 - Asad, 30.07.2023		
42		Isnin, 31.07.2023 - Asad, 06.08.2023		
43	Cuti Panjang/Latihan Industri (10/11 Minggu)	Isnin, 07.08.2023 - Asad, 13.08.2023		
44		Isnin, 14.08.2023 - Asad, 20.08.2023		
45		Isnin, 21.08.2023 - Asad, 27.08.2023		
46		Isnin, 28.08.2023 - Asad, 03.09.2023	31.08.2023, Rabu - Hari Kebangsaan	
47		Isnin, 04.09.2023 - Asad, 10.09.2023		
48		Isnin, 11.09.2023 - Asad, 17.09.2023	16.09.2023, Jumaat - Hari Malaysia	
49		Isnin, 18.09.2023 - Asad, 24.09.2023		
50	Peperiksaan	Isnin, 25.09.2023 - Asad, 01.10.2023	27.09.2023, Rabu - Hujung Tahun	
51		Isnin, 02.10.2023 - Asad, 08.10.2023		
52		Isnin, 09.10.2023 - Asad, 15.10.2023		

*Calender Akademik adalah berseksi kesihatan (sila rujuk jad)

CARTA ORGANISASI PENGURUSAN TERTINGGI PUSAT PENGAJIAN SENI, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



SENARAI KAKITANGAN STAF AKADEMIK

STAF AKADEMIK PUSAT PENGAJIAN SENI		
NAMA & JAWATAN	NO. TEL	EMAIL
Dr Sarena Abdullah (Dekan)	3836	sarena.abdullah@usm.my
Dr. Mohammad Khizal Mohamed Saat Timbalan Dekan (Akademik, Kerjaya dan Antarabangsa)	4072	mkhizal@usm.my
Dr. Norfarizah Mohd Bakhir Timbalan Dekan (Penyelidikan, Inovasi dan Libatsama Industri- Komuniti)	3808	farizah@usm.my
Dr. Andika Aziz Hussin Pengerusi Rancangan Lakonan & Pengarahan	4077	andika2020@usm.my
Ts. Dr. Siti Suhaily Surip Pengerusi Rancangan Reka Bentuk Produk	3624	suhaily@usm.my
Ts. Dr. Nurul Hanim Md Romainoor Pengerusi Rancangan Grafik Komunikasi	3064	Hanim.ramainoor@usm.my
Dr. Julina Ismail@Kamal Pengerusi Rancangan Reka Bentuk dan Teknologi Media Baru	3028	julina@usm.my
Dr. Pravina A/P Manoharan Pengerusi Rancangan Seni Persembahan dan Pedagogi	4077	pravina@usm.my
Dr. Siti Rohaya Yahaya Pengerusi Rancangan Seni Halus	6628	ysrohaya@usm.my
Profesor Dr. Tan Sooi Beng	3798	sbtan@usm.my
Profesor Madya Dr. A.S Hardy Shafii	2484	hardy@usm.my
Profesor Madya Dr. Muhizam Mustafa	4653	muhizam@usm.my
Profesor Madya Dr. Safrizal Shahir	3065	safrizal@usm.my
Profesor Madya Hasnul Jamal Saidon	3014	hasnul@usm.my

Ts. Dr. Jasni Dolah	4654	jasnidolah@usm.my
Dr. Ahmad Zuhairi Abdul Majid	3061	zuhairi.majid@usm.my
Dr. Azrul Azizi Amirrul	2386	azrulazizi@usm.my
Dr. Johan Awang Othman	2484	johan_othman@yahoo.com
Dr. Lim Jing Yi	4656	gene.limjingyi@usm.my
Dr. Mohammad Kamal Sabran	-	kamalsabran@usm.my
Dr. Mohd. Asyiek Mat Desa	3481	ask_shakes@yahoo.com
Dr. Mohd. Fairuz Bin Zamani	3063	fairuzzamani@usm.my
Dr. Mumtaz Begum Aboo Backer	3623	mumzie@usm.my
Dr. Nur Zaidi Bin Azraai	3066	nurzaidi@usm.my
Dr. Safia Najwa Suhaimi	3061	safiasuhaimi@usm.my
Dr. Shahrul Anuar Shaari	4659	shahrulanuar@usm.my
Dr. Tetriana Ahmed Fauzi	3062	tetriana@usm.my
Dr. Yumi Yoshioka	2333	yumi@usm.my
Dr. Zuriawati Ahmad Zahari	6627	zuriawati@usm.my
Encik Goh Chu Hiang	3417	goh@usm.my
Encik Mohd Alif Ikrami Mutti	4681	alifikrami@usm.my
Encik Norshahidan Mohamad	4681	shahidanmohamad@usm.my
Puan Noor Azlina Mohamed Khalid	4652	azlinakhalid@gmail.com

Puan Nur Hilyati Ramli	2386	hilyati@usm.my
Cik Tan Jin Yin	3417	jinyintan@usm.my
Ts. Hafeezur Rahmaan Mohd Yassin (Cuti Belajar)	-	hafeezur@usm.my
Dr. Mohd. Najib Abdulah Sani (Penempatan silang MGTf)	-	emailtonajib@gmail.com
PEGAWAI PENTADBIRAN PUSAT PENGAJIAN SENI		
NAMA & JAWATAN	NO. TEL	EMAIL
Puan Norhidayah Abdul Rahman	3620	hidayahrahman@usm.my
Encik Muhammad Afzan Zainal Abidin	3251	afzanzainal@usm.my

1.0 PENGENALAN

1.1 PUSAT PENGAJIAN SENI

Bermula pada 1970 Pusat Pengajian Seni telah menawarkan Ijazah Sarjana Muda Sastera, diikuti pada tahun 1999 dengan penawaran Ijazah Sarjana Muda Seni Halus dan Ijazah Sarjana Muda Seni Muzik yang bermula pada Sidang Akademik 1999/2000.

Sejak daripada itu, beberapa bidang pengkhususan baharu telah diperkenalkan, merangkumi aspek seni, budaya dan rekabentuk. Secara amnya, Pusat Pengajian Seni telah berfungsi sebagai Pusat Kecemerlangan untuk penglestarian dengan pengalaman Universiti Sains Malaysia sebagai universiti APEX yang mentransformasikan pendidikan tinggi untuk masa depan yang mampan.

1.2 RANCANGAN-RANCANGAN PENGAJIAN

1.2.1 IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA [KEPUJIAN] [BA]

Pengkhususan:

Seni Halus

1.2.2 IJAZAH SARJANA MUDA SENI HALUS [KEPUJIAN] [BFA]

Pengkhususan:

Lakonan dan Pengarahan

Grafik Komunikasi

Rekabentuk dan Teknologi Media Baru

Rekabentuk Produk

1.2.3 IJAZAH SARJANA MUDA SENI MUZIK [KEPUJIAN] [BMUS]

Pengkhususan:

Seni Persembahan dan Pedagogi (SA05)

Rancangan pengajian ini mengambilkira faktor semasa seperti keperluan aspek visual, rekabentuk, persembahan dan lakonan di peringkat kerjaya [profesionalisme], dagangan seni dan sektor swasta. Di dalam konteks antarabangsa, khususnya di pusat pengajian tinggi di luar negara, penawaran ini telah lama wujud.

Melalui penekanan terhadap aspek kemahiran ini, ia akan memberi peluang kepada pelajar ke arah penghasilan karya yang lebih mendalam [serius] dan lebih trampil serta bermutu kualitasnya. Dengan cara begini Pusat Pengajian Seni akan dapat menghasilkan graduan atau individu di bidang studio, lakonan, persembahan dan praktis seni yang lebih berpengetahuan, mahir, serba boleh/upaya serta efektif.

Adalah diharapkan pencapaian produksi di bidang Seni Halus, Grafik Komunikasi, Rekabentuk & Teknologi Media Baru, Rekabentuk Produk dan Lakonan & Pengarahan, Seni Persembahan dan Pedagogi akan lebih meningkat dan lebih terserlah.

Para pelajarnya pula diharap akan mempunyai kebolehan yang selaras dengan keperluan industri dan pasaran kesenian serta berpeluang mendapat pekerjaan sektor kerajaan, badan swasta dan industri kreatif

Di samping itu, bidang seni, budaya dan rekabentuk juga diharapkan dapat memainkan peranan dalam pembangunan rohaniah dan nilai-nilai moral yang murni, khususnya di dalam konteks kebudayaan nasional dan amnya demi mencapai matlamat Wawasan 2020.

1.3 OBJEKTIF

Objektif penawaran Rancangan Ijazah Sarjana Muda Sastera [BA], Rancangan Ijazah Sarjana Muda Seni Halus [BFA] dan Rancangan Ijazah Sarjana Muda Seni Muzik [BMUS] adalah seperti berikut:

- (i) Mewujudkan kesedaran kreatif, akademik dan intelek yang dinamis dan bermutu dalam bidang seni visual, rekabentuk, seni muzik, seni drama dan teater.
- (ii) Menyediakan kursus-kursus yang bercorak ikhtisas atau berorientasikan kemahiran dengan tidak mengabaikan nilai-nilai tempatan, kontemporari dan sejagat.
- (iii) Menghubungkan aspek akademik seni dengan kemajuan teknologi, keperluan semasa, aspirasi masyarakat dan negara.
- (iv) Membentuk pelajar yang inovatif dan mempunyai kemahiran teknikal dalam praktikum studio [visual/rekabentuk/drama/teater], serta maju dalam teori seni dan rekabentuk.
- (v) Memastikan kebolehpasaran graduan melalui bidang pengkhususan yang dipilih.
- (vi) Menghasilkan pelajar yang dinamis, kreatif, cekap, beretika dan mampu bersaing di bidang praktikum dan produksi seni serta boleh berdikari di bidang yang diceburi.
- (vii) Meningkatkan pembelajaran dan penyelidikan seni dan rekabentuk.

1.4 HASIL PEMBELAJARAN

1.4.1 IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA [KEPUJIAN] [BA]

Program ini akan menyediakan pelajar yang mampu untuk mengaplikasikan aspek penyelidikan, ciptaan visual kreatif, kesedaran budaya setempat, penguasaan teknologi terkini dan pengurusan seni. Graduan yang dihasilkan akan mempunyai profil berikut;

Pendidikan Sepanjang Hayat & Pengurusan Informasi

- Pelajar berupaya meneroka dan melahirkan ciptaan seni visual yang kreatif dan signifikan berasaskan kesedaran semasa di peringkat tempatan dan serantau.
- Pelajar mengaplikasikan maklumat terkini dalam menginterpretasi proses pengkaryaan.

Kemahiran berkomunikasi

- Pelajar berupaya berkomunikasi dengan berkesan melalui karya atau pernyataan artistik.

Pendekatan berfikir & saintifik

- Pelajar mampu untuk merekacipta hasil kreatif seni visual berasaskan penyelidikan.

Kemahiran teknikal/praktikal/psikomotor

- Pelajar mampu menggunakan kemahiran teknikal dalam aspek ciptaan kreatif berasaskan studio yang meliputi perkakasan, peralatan, teknik dan proses yang berkaitan bidang seni visual.
- Kemampuan untuk mencetus inovasi ciptaan kreatif yang signifikan dalam bentuk seni visual.

Kemahiran keusahawanan

- Pelajar mampu menguruskan karya bersifat ciptaan kreatif melalui kursus berkaitan pengurusan seni yang ditawarkan.
- Pelajar lebih peka terhadap aspek keselamatan karya bila terbabit dengan pasaran produk kreatif.

Pengetahuan

- Pelajar mampu untuk merekacipta hasil kreatif seni visual berasaskan penyelidikan.
- Pelajar berupaya merekabentuk karya yang relevan dengan kehendak semasa.

Kemahiran sosial & bertanggungjawab

- Pelajar peka terhadap perkaitan antara kearifan budaya tempatan, aspirasi negara dan nilai budaya melalui proses pengkaryaan seni visual.

Profesionalisme, nilai, sikap & etika

- Pelajar menggunakan pengalaman dan kemahiran aplikasi serta eksplorasi kreatif terhadap teknologi baru secara profesional dalam bidang seni visual. Khususnya penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang mendasari nilai, sikap dan etika penghasilan karya seni visual.

1.4.2 IJAZAH SARJANA MUDA SENI HALUS [KEPUJIAN] [BFA]

Pendidikan Sepanjang Hayat & Pengurusan Informasi

- Pelajar sedar betapa luas dan banyaknya peluang untuk terus belajar memajukan diri.
- Pelajar mempunyai kesedaran kepentingan maklumat terkini.
- Pelajar menggunakan maklumat, metodologi dan teknologi terkini dalam penyelesaian masalah dan proses rekabentuk.

Kemahiran Berkomunikasi

- Pelajar berkomunikasi dengan tepat dan berkesan dengan semua pihak.
- Pelajar menyampaikan persembahan rekabentuk secara berkesan dengan mempunyai keyakinan diri yang tinggi.

Pendekatan Berfikir & Saintifik

- Pelajar mempunyai pemikiran yang terbuka dan mampu membuat keputusan, merancang dan menguruskan projek rekabentuk secara kreatif dan saintifik.

Kemahiran Teknikal/Praktikal/Psikomotor

- Pelajar mempunyai keupayaan teknikal untuk menganalisis, merancang, dan merekabentuk secara kreatif melalui kursus-kursus bercorak studio.
- Pelajar memperolehi pengalaman industri dan dapat menyesuaikan diri dalam situasi kerja yang sebenar melalui latihan industri.

Kemahiran Keusahawanan

- Pelajar dapat merancang, mengurus dan melaksanakan projek kreatif secara professional.
- Pelajar mampu berdikari dan mempunyai daya saing yang tinggi dalam industri kreatif.

Pengetahuan

- Pelajar mempunyai kemahiran dan kepakaran, serta berupaya untuk menjadi pemimpin dalam aliran seni dan rekabentuk.

Kemahiran sosial & Bertanggungjawab

- Pelajar mempunyai tanggungjawab sosial terhadap masyarakat bertindak secara beretika dalam melaksanakan tugas harian.

Profesionalisme, Nilai, Sikap & Etika

- Pelajar memiliki kemahiran sebagai seorang pereka dan pengamal seni rekabentuk yang mampu berfikiran secara kreatif, terbuka dan beretika.

1.4.3 IJAZAH SARJANA MUDA SENI MUZIK [KEPUJIAN] [BMUS]

Pendidikan Sepanjang Hayat DanPengurusan Informasi

- Pelajar mempunyai kesedaran berkaitan maklumat terkini dalam pelbagai aspek teori dan praktikal muzik.
- Pelajar berkebolehan dalam aplikasi teori muzik dan komponen praktikal persembahan muzik.

Kemahiran Berkomunikasi

- Pelajar berkebolehan berkomunikasi dalam industri muzik.

Pendekatan Kemahiran Berfikir

- Pelajar dilengkapi dengan pelbagai pendekatan untuk berfikir dalam membuat keputusan, merancang dan mengurus secara logik dengan berkesan.

Kemahiran Pengurusan Dan Keusahawanan

- Pelajar mempelajari kepentingan dalam pengetahuan untuk menguruskan pelbagai situasi dengan sumber yang sedia ada.

Kemahiran Teknikal/Praktikal/Psikomotor

- Pelajar berkebolehan dalam persembahan praktikal muzik klasikal, popular dan muzik tempatan.

Pengetahuan

- Pelajar memperolehi pelbagai pengetahuan berkaitan disiplin muzik dan pengetahuan tambahan untuk maju dalam industri muzik tempatan dan antarabangsa.

Kemahiran Sosial Dan Bertanggungjawab

- Pelajar diberi pelbagai tanggungjawab berkaitan persembahan muzik untuk memaju sebagai ahli muzik profesional dalam industri muzik tempatan dan antarabangsa.

Profesionalisme, Nilai, Sikap Dan Etika

- Pelajar memiliki kemahiran dan sikap profesional sepanjang pembelajaran dalam program muzik.

2.0 SISTEM AKADEMIK DAN MAKLUMAT AM

2.1 Aktiviti Pendaftaran Kursus

Pendaftaran kursus ialah aktiviti penting sepanjang tempoh pengajian setiap pelajar di Universiti. Perkara ini merupakan langkah pertama untuk membolehkan pelajar menduduki peperiksaan pada setiap hujung semester. Perancangan yang sistematik semasa proses pendaftaran kursus setiap semester akan membantu proses pengijazahan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

2.1.1 Urus Setia Pendaftaran Kursus Sarjana Muda dan Diploma

Unit Rekod Pelajar
Bahagian Pengurusan Akademik
Jabatan Pendaftar
Aras 1, Bangunan Canselori

No. Telefon : 04-653 2925/2924/4194/2923
No. Faks : 04-657 4641
E-Mel : sdrp@usm.my
Laman sesawang : <http://bpa.usm.my/index.php/ms/>

2.1.2 Platform Pendaftaran Kursus

1. E-Daftar

E-Daftar ialah kaedah pendaftaran kursus secara dalam talian yang boleh dibuat melalui portal *CampusOnline*. Tempoh pendaftaran kursus bagi Semester 1 dan Semester 2 akan bermula selepas keputusan rasmi peperiksaan dikeluarkan.

Pendaftaran Kursus Semasa Cuti Panjang (KSCP) perlu dilaksanakan dalam talian di pusat pengajian selepas keputusan rasmi peperiksaan Semester 2 dikeluarkan.

Tarikh dan tempoh pendaftaran sebenar melalui E-Daftar akan diumumkan kepada semua pelajar melalui E-mel semasa minggu ulang kaji pada setiap semester dan perincian berkaitan aktiviti ini turut dipaparkan pada laman sesawang USM.

Pelajar boleh mendaftar semua kursus melalui E-Daftar kecuali kursus kokurikulum. Pendaftaran kursus kokurikulum adalah di bawah tanggungjawab dan pentadbiran Pengarah Pusat Rancangan Kokurikulum di Kampus Induk, Penyelaras Kokurikulum di Kampus Kejuruteraan dan Kampus Kesihatan. Pelajar perlu memohon untuk mengikuti kursus kokurikulum melalui proses pradaftar sebelum aktiviti E-Daftar yang sebenar

bermula. Permohonan pradaftar yang berjaya akan disenaraikan dalam pendaftaran kursus pelajar.

Capaian ke Sistem E-Daftar

- a. Sistem E-Daftar boleh dicapai menerusi portal *CampusOnline* (<https://campusonline.usm.my>).
- b. Pelajar perlu menggunakan ID dan kata laluan E-mel USM untuk mengakses/*login* ke laman profil yang mengandungi menu bertajuk **E-Daftar**.
- c. Pelajar perlu mencetak slip pengesahan pendaftaran kursus selepas selesai mendaftar atau selepas setiap kali mengemas kini (gugur/tambah) senarai pendaftaran kursus dalam tempoh E-Daftar.

2. Pendaftaran Kursus di Pusat Pengajian/Pusat

Pendaftaran kursus di Pusat Pengajian/Pusat hanya dibenarkan kepada pelajar bertaraf akademik aktif dan percubaan (P1/P2). Pelajar yang gagal mendaftar kursus atau mempunyai masalah mendaftar kursus dalam tempoh E-Daftar, turut dibenarkan mendaftar semasa tempoh rasmi aktiviti pendaftaran kursus di Pusat Pengajian/Pusat.

Tempoh rasmi aktiviti pendaftaran adalah pada hari pertama semester bermula sehingga minggu ketiga. Mulai minggu keempat hingga keenam, aktiviti pendaftaran dan penambahan kursus dianggap sebagai lewat, dan denda RM50.00 untuk setiap pendaftaran akan dikenakan melainkan pelajar boleh memberikan alasan yang wajar. Pendaftaran lewat akan dikendalikan oleh Unit Peperiksaan dan Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik (Jabatan Pendaftar).

2.1.3 Panduan Am Pendaftaran Kursus

1. Maklumat dan dokumen yang perlu dirujuk oleh pelajar sebelum pendaftaran kursus:
 - a. Laman sesawang Pusat Pengajian/Pusat berkaitan untuk mendapatkan arahan/maklumat terkini penawaran kursus atau berkaitan pendaftaran kursus.
 - b. Senarai kursus yang akan didaftarkan dan bilangan unit bagi setiap kursus berkaitan (rujuk Buku Panduan Rancangan Pengajian).

Status Akademik	PNG	Unit Minimum	Unit Maksimum
Aktif	2.00 & ke atas	9	25
P1	1.99 & ke bawah	9	12
P2		9	10

c. Mana-mana pelajar yang masih mempunyai tunggakan **tidak akan dibenarkan mendaftar kursus**. Kumpulan pelajar terlibat hanya akan dibenarkan mendaftar kursus setelah mereka menjelaskan hutang berkenaan.

2. Jenis kod kursus semasa mendaftar:

T = Teras
E = Elektif
M = Minor
U = Universiti

} Gred dan bilangan unit yang diperoleh daripada kursus-kursus di bawah kod ini akan diambil kira untuk pengijazahan

2 jenis kod kursus yang lain adalah seperti berikut:

Y = Audit
Z = Prasyarat

} Gred dan bilangan unit yang diperoleh untuk kursus di bawah 2 kod ini tidak diambil kira untuk pengijazahan.

3. Penasihat dan perakuan Penasihat Akademik diperlukan.
4. Pelajar tidak dibenarkan mendaftar dan mengulang mana-mana kursus yang bergred 'C' ke atas.
5. Pelajar Perubatan, Pergigian dan Farmasi tidak dibenarkan mendaftar dan mengulang mana-mana kursus yang bergred 'B-' ke atas.

2.1.4 Maklumat/Dokumen yang Diberikan kepada Semua Pelajar Menerusi Portal *CampusOnline*

1. Maklumat Penasihat Akademik.
2. Maklumat akademik seperti taraf akademik, nilai PNG, nilai PNGK dan tahun pengajian.
3. Cangred dan borang daftar kursus.
4. Senarai kursus yang akan ditawarkan oleh semua Pusat Pengajian/Pusat.

5. Jadual waktu pengajaran dan pembelajaran daripada Pusat Pengajian/Pusat/Unit di ketiga-tiga kampus.
6. Senarai kursus pradaftar yang telah dimasukkan terlebih dahulu ke dalam rekod pendaftaran kursus pelajar yang berkenaan (jika ada).
7. Peringatan tertentu tentang dasar/syarat umum pendaftaran kursus Universiti.

2.1.5 Pendaftaran Kursus Bahasa dan Kokurikulum

1. Pendaftaran kursus bahasa secara E-Daftar dibenarkan.
 - a. Sekiranya pendaftaran kursus bahasa melalui E-Daftar gagal dibuat, pelajar masih boleh membuat/mengemaskinikan pendaftaran kursus semasa tempoh rasmi aktiviti pendaftaran kursus di Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan (PPBLT).
 - b. Semua urusan kelulusan/ pendaftaran/ pengguguran/ penambahan kursus bahasa adalah di bawah tanggungjawab dan pentadbiran pihak PPBLT.
 - c. Sebarang masalah berkaitan pendaftaran kursus bahasa boleh dirujuk kepada pihak PPBLT seperti berikut:

Pejabat Am	: 04-653 4542	}	untuk pelajar Kampus Induk
Pengerusi Rancangan Bahasa Malaysia	: 04-653 3974		
Pengerusi Rancangan Bahasa Inggeris	: 04-653 3406		
Pengerusi Rancangan Bahasa Asing	: 04-653 3396		

Pengerusi Rancangan Kampus Kejuruteraan : 04-599 5400/5430
04-599 5402/5407

Pengerusi Rancangan Kampus Kesihatan : 09-767 1262

2. Pendaftaran **kursus kokurikulum secara E-Daftar** adalah tidak dibenarkan.
 - a. Pendaftaran kursus kokurikulum dijalankan sama ada secara pradaftar sebelum semester bermula ataupun semasa dalam minggu pertama/kedua semester. Kumpulan pelajar yang terpilih sahaja akan dimasukkan data pendaftaran kursus kokurikulum mereka sebelum E-Daftar bermula.
 - b. Semua urusan kelulusan/ pendaftaran/ pengguguran/ penambahan kursus kokurikulum adalah di bawah tanggungjawab dan pentadbiran:

Pengarah Pusat Rancangan Kokurikulum, Kampus Induk
(04-653 5242/5248)

Timbalan Pengarah Pusat Rancangan Kokurikulum, Kampus
Kejuruteraan (04-599 5097/6308)

Timbalan Pengarah Pusat Rancangan Kokurikulum, Kampus
Kesihatan (09-7672371/6625)

3. **Pengguguran kursus Bahasa dan Kokurikulum, jika perlu, hendaklah dibuat dalam tempoh minggu pertama.** Selepas minggu pertama, denda RM50.00 akan dikenakan bagi setiap kursus.

2.1.6 Pendaftaran Kursus ‘Audit’ (kod jenis Y)

Pendaftaran untuk kursus jenis audit (kod jenis Y) **adalah tidak dibenarkan secara E-Daftar** bagi mana-mana kursus. Pendaftaran kursus ini boleh dilakukan semasa tempoh rasmi aktiviti pendaftaran di pusat pengajian atau pusat terlibat.

Pelajar yang berminat perlu mengisi borang pendaftaran kursus yang boleh dicetak melalui laman *CampusOnline* USM atau diperoleh di pusat pengajian dan perlu mendapatkan kelulusan pensyarah bagi kursus yang hendak diaudit berserta kelulusan Dekan/Timbalan Dekan (akademik) pusat pengajian berkenaan.

Pendaftaran kursus audit (kod jenis Y) **TIDAK DIAMBIL KIRA** dalam penjumlahan keseluruhan beban kerja (unit) sebenar yang didaftar. Gred yang diperoleh daripada kursus audit tidak diambil kira dalam pengiraan PNGK dan penjumlahan unit bagi pengijazahan.

2.1.7 Pendaftaran Kursus ‘Prasyarat’ (kod jenis Z)

Pendaftaran kursus prasyarat (kod jenis Z) **DIAMBIL KIRA** dalam penjumlahan keseluruhan beban kerja (unit) sebenar yang didaftar. Gred yang diperoleh daripada kursus prasyarat tidak diambil kira dalam pengiraan PNGK dan penjumlahan unit ke arah pengijazahan.

2.1.8 Pendaftaran dan Penambahan Kursus Lewat

Pendaftaran dan penambahan kursus lewat hanya dibenarkan pada minggu pertama hingga minggu ketiga dengan kelulusan Dekan. Permohonan selepas minggu ketiga tidak akan dipertimbangkan, kecuali bagi kes-kes khas yang diluluskan oleh Universiti. Pelajar akan dikenakan denda sebanyak RM50.00 jika alasan yang diberikan tidak munasabah.

2.1.9 Pengguguran Kursus

Pengguguran kursus dibenarkan hingga **akhir minggu Keenam**.

Bagi tujuan menggugurkan kursus, pelajar mesti memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Universiti seperti berikut:

1. Borang Gugur Kursus perlu diisi oleh pelajar dan ditandatangani oleh pensyarah kursus berkenaan dan Dekan/Timbalan Dekan (Akademik, Kerjaya dan Antarabangsa) Pusat Pengajian pelajar berkenaan dan dikemukakan kepada Pejabat Am Pusat Pengajian/Pusat yang bertanggungjawab menawarkan kursus yang terlibat.
2. Pelajar yang ingin menggugurkan kursus bahasa mesti mendapat tandatangan dan cop Dekan/Timbalan Dekan (Akademik, Kerjaya dan Antarabangsa) Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan.
3. Pelajar yang ingin menggugurkan kursus kokurikulum, mesti mendapatkan kelulusan Pengarah Rancangan Kokurikulum (Kampus Induk) atau Penyelaras Kokurikulum di Kampus Kejuruteraan dan Kampus Kesihatan.
4. Kemudahan untuk menggugurkan kursus tidak boleh disalahgunakan. Pensyarah mempunyai hak untuk tidak membenarkan pelajar menggugurkan kursus sekiranya dia tidak serius terhadap kursus yang diambil seperti gagal menghadiri kuliah, tutorial dan amali dan tidak melaksanakan kerja kursus. Pelajar akan dihalang daripada menduduki peperiksaan dan akan diberikan gred 'X' dan tidak dibenarkan mengulang kursus semasa Kursus Semasa Cuti Panjang (KSCP).

2.1.10 Slip Pengesahan Pendaftaran Kursus

Slip pengesahan pendaftaran kursus yang dicetak selepas proses mendaftar kursus perlu disemak dengan teliti untuk memastikan tiada kesilapan dari segi kod kursus yang telah didaftarkan berserta kod jenis bagi setiap kursus yang didaftarkan.

Sebarang kesilapan data pendaftaran kursus perlu dibetulkan sama ada semasa E-Daftar atau di Pusat Pengajian semasa tempoh aktiviti pendaftaran kursus di Pusat Pengajian/Pusat.

2.1.11 Semakan dan Pengemaskinian Data/Maklumat/Rekod Peribadi dan Akademik Pelajar

Pelajar boleh menyemak maklumat peribadi dan akademik melalui portal *CampusOnline*. Pelajar juga dinasihatkan untuk selalu menyemak maklumat peribadi masing-masing yang dipaparkan dalam laman sesawang ini.

1. Pengemaskinian maklumat surat-menyurat, nombor telefon dan e-mel peribadi boleh dilakukan melalui portal *CampusOnline*.
2. Permohonan pembetulan/ pengemaskinian data peribadi seperti ejaan nama, nombor kad pengenalan, nombor pasport dan alamat (tetap dan perhubungan) perlu dimaklumkan kepada Unit Rekod Pelajar, Bahagian Pengurusan Akademik.
3. Permohonan pembetulan data-data akademik seperti maklumat major, minor, keputusan MUET dan kod jenis kursus (selain data keputusan peperiksaan) perlu dimaklumkan kepada Unit Rekod Pelajar, Bahagian Pengurusan Akademik.

2.1.12 Penasihat Akademik

Pusat Pengajian akan melantik seorang Penasihat Akademik bagi setiap pelajar untuk memberikan penasihat dan perancangan berkaitan hal-hal akademik kepada pelajar di bawah tanggungjawab sepanjang tempoh pengajian pelajar berkenaan.

2.2 Takrifan Unit/Kredit/Kursus

2.2.1 Unit

Setiap kursus diberi nilai yang dikenali sebagai **UNIT**. Unit diberi berdasarkan skop kurikulum dan beban kerja pelajar dalam kursus yang berkenaan. Pada umumnya, unit ditakrifkan seperti berikut:

Jenis Kursus	Takrifan
Kursus Teori	1 unit bersamaan dengan 1 jam interaksi bagi tempoh satu minggu selama 13 – 14 minggu dalam satu semester.
Kursus Amali/ Makmal/ Kursus Kemahiran Bahasa	1 unit bersamaan dengan 1.5 jam interaksi bagi tempoh satu minggu selama 13 – 14 minggu dalam satu semester.
Kursus Latihan Industri/ Latihan Mengajar	1 unit bersamaan dengan 2 minggu latihan.

Berdasarkan keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) pada masa ini:

Satu unit bersamaan 40 jam daripada waktu pembelajaran pelajar

[1 unit = 40 hours of Student Learning Time (SLT)]

2.2.2 Unit Kredit Terkumpul

Unit yang telah didaftarkan dan lulus dikenali sebagai kredit. Untuk berjajazah, pelajar mesti mengumpulkan jumlah kredit yang ditetapkan mengikut program pengajian.

2.3 Sistem Peperiksaan

Peperiksaan diadakan pada akhir setiap semester. Pelajar mesti menduduki peperiksaan bagi kursus-kursus yang didaftarkan semasa pendaftaran kursus kecuali bagi kursus-kursus 100% kerja kursus. Setiap pelajar mestilah terlebih dahulu menjelaskan semua yuran dan juga memenuhi syarat keperluan kuliah/tutorial/amali dan keperluan lain bagi setiap kursus sebelum layak menduduki peperiksaan bagi kursus-kursus yang didaftarkan. Penilaian kursus ditentukan berdasarkan prinsip penilaian secara berterusan daripada komponen kerja kursus dan peperiksaan akhir. Penilaian kerja kursus boleh mengandungi aspek-aspek seperti penglibatan dalam tutorial, ujian, esei, projek dan tugasan.

2.3.1 Tempoh Peperiksaan

Nilai Kursus	Tempoh Peperiksaan
2 unit	1 jam untuk kerja kursus melebihi 40%
2 unit	2 jam untuk kerja kursus 40% dan ke bawah
3 unit atau lebih	2 jam untuk kerja kursus melebihi 40%
3 unit atau lebih	3 jam untuk kerja kursus 40% dan ke bawah

2.3.2 Penghalangan Peperiksaan

Pelajar boleh dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir jika tidak memenuhi sekurang-kurangnya 70% keperluan kursus seperti tidak menghadiri kuliah dan tutorial serta tidak menyempurnakan keperluan komponen kerja kursus. Kursus yang dihalang akan diberikan grad 'X' dan pelajar tidak dibenarkan mengulang kursus berkenaan semasa Kursus Semasa Cuti Panjang (KSCP).

2.3.3 Sistem Purata Nilai Gred

Prestasi pelajar dalam sesuatu kursus dinilai berdasarkan skala berikut:

Gred Abjad	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	D-	F
Nilai Gred	4.00	3.67	3.33	3.00	2.67	2.33	2.00	1.67	1.33	1.00	0.67	0

Pelajar yang mendapat gred 'C-' dan ke bawah bagi sesuatu kursus boleh memperbaiki gred dengan mengulangi kursus itu semasa KSCP (lihat di bawah) atau pada semester biasa. Pelajar yang mendapat gred 'C' dan ke atas bagi sesuatu kursus tidak dibenarkan mengulangi kursus berkenaan sama ada semasa KSCP atau semester biasa.

Pencapaian dalam sesuatu semester dikira berdasarkan purata nilai gred (PNG) yang diperolehi daripada semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut. PNG ialah ukuran untuk menentukan pencapaian taraf akademik pelajar bagi sesuatu semester.

PNGK ialah purata nilai gred kumulatif yang dikumpulkan oleh pelajar dari satu semester ke satu semester pengajiannya.

Rumusan untuk mengira PNG dan PNGK ialah:

$$\text{Purata Nilai Gred} = \frac{\sum_{i=1}^n U_i M_i}{\sum_{i=1}^n U_i}$$

di sini:

- n = Bilangan kursus yang diambil
- U_i = Unit kursus bagi kursus i
- M_i = Mata penilaian gred bagi kursus i

Contoh pengiraan PNG dan PNGK:

	Kursus	Unit	Nilai Gred (NG)	Gred (G)	Jumlah NG
Semester I	ABC XX1	4	3.00	B	12.00
	ABC XX2	4	2.33	C+	9.32
	BCD XX3	3	1.67	C-	5.01
	CDE XX4	4	2.00	C	8.00

	EFG XX5	3	1.33	D+	3.99
	EFG XX6	2	2.67	B-	5.34
		20			43.66

$$\text{PNG} = \frac{43.66}{20} = 2.18$$

	Kursus	Unit	Nilai Gred (NG)	Gred (G)	Jumlah NG
Semester II	ABC XX7	3	1.00	D	3.00
	ABB XX8	4	2.33	C+	9.32
	BBC XX9	4	2.00	C	8.00
	BCB X10	4	2.67	B-	10.68
	XYZ XX1	3	3.33	B+	9.99
		18			40.99

$$\text{PNG} = \frac{40.99}{18} = 2.28$$

$$\text{PNGK} = \frac{\text{Jumlah NG Terkumpul}}{\text{Jumlah Bil. Unit Terkumpul}} = \frac{43.66 + 40.99}{20 + 18} = \frac{84.65}{38} = 2.23$$

Dalam contoh di atas, PNGK dikira sebagai jumlah nilai gred terkumpul bagi semua kursus yang diambil, dibahagi dengan jumlah bilangan unit yang didaftarkan.

2.3.4 Kursus Semasa Cuti Panjang (KSCP)

Kursus Semasa Cuti Panjang hanya ditawarkan kepada pelajar yang memperoleh gred 'C-', 'D+', 'D', 'D-', 'F' dan 'DK' sahaja dalam sesuatu kursus. Pelajar yang mendapat gred 'X' dan 'F*' tidak dibenarkan mengambil peperiksaan KSCP.

Tujuan KSCP adalah untuk:

1. Memberikan peluang kepada pelajar yang menghadapi kesempitan masa untuk pengijazahan.
2. Membantu pelajar yang memerlukan beberapa unit untuk pengijazahan.
3. Membantu pelajar yang berada dalam taraf percubaan untuk memperbaiki taraf akademiknya.
4. Membantu pelajar yang perlu mengulang kursus prasyarat yang tidak ditawarkan pada semester berikutnya.

Walau bagaimanapun, peluang diberikan hanya kepada pelajar yang mengulang kursus yang pernah diambil dan mereka yang mendapat gred seperti yang dinyatakan di atas, sekiranya ditawarkan. Lazimnya, kuliah formal tidak akan dilaksanakan. Sebaliknya pengajaran dilakukan secara tutorial.

Kursus Semasa Cuti Panjang mengambil masa selama 3 minggu, iaitu 2 minggu tutorial dan 1 minggu peperiksaan. Tarikh Kursus Semasa Cuti Panjang boleh diperoleh melalui kalendar akademik.

Pelaksanaan KSCP

1. Pelajar dibenarkan mendaftar maksimum 3 kursus dan tidak melebihi 10 unit.
2. Markah/gred kerja kursus yang diambil kira ialah markah/gred kerja kursus yang tertinggi dalam kursus berkenaan yang diperoleh pada semester lepas sebelum KSCP. Penentuan gred akhir adalah seperti berikut:

$$\text{Gred Akhir} = \text{Markah atau gred kerja kursus tertinggi} + \text{Markah atau gred peperiksaan KSCP}$$

3. Pengiraan PNG bagi KSCP menggunakan gred **TERKINI** (yang diperoleh semasa KSCP) dan melibatkan kursus-kursus semester kedua serta kursus-kursus yang diulang semasa KSCP. Jika PNG semasa KSCP mengikut pengiraan di atas ialah 2.00 atau ke atas, maka taraf akademik pelajar adalah aktif walaupun taraf akademik pelajar pada semester kedua ialah percubaan. Walau bagaimanapun, jika PNG bagi KSCP (mengikut pengiraan di atas) adalah 1.99 atau ke bawah, maka taraf akademik pelajar berdasarkan taraf pada semester kedua.
4. Pelajar yang berjijazah (telah memenuhi syarat pengijazahan) pada akhir Semester 2 tidak dibenarkan mengambil KSCP.

2.3.5 Taraf Akademik

Taraf Aktif: Pelajar yang berjaya mendapat PNG 2.00 dan ke atas dalam peperiksaan sesuatu semester akan diberikan taraf AKTIF dan dibenarkan meneruskan pengajian dalam semester berikutnya.

Taraf Percubaan: Taraf percubaan diberikan kepada pelajar yang memperoleh PNG 1.99 dan ke bawah. Pelajar yang berada dalam taraf percubaan selama tiga semester berturut-turut (P1, P2, FO), tidak akan dibenarkan meneruskan pengajiannya di universiti ini. Walau

bagaimanapun, jika nilai PNGK adalah 2.00 dan ke atas, pelajar dibenarkan meneruskan pengajian dan taraf dikekalkan sebagai P2.

2.3.6 Penalti tidak Menduduki Peperiksaan

Pelajar yang tidak menghadiri peperiksaan bagi mana-mana kursus yang telah didaftarkan, perlu mengemukakan alasan secara bertulis kepada Ketua Penolong Pendaftar, Unit Peperiksaan dan Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik dalam tempoh 48 jam (bagi pelajar penuh masa) dan dalam tempoh 7 hari (bagi pelajar pendidikan jarak jauh) dari masa peperiksaan berlangsung. Alasan yang dikemukakan akan dipertimbangkan oleh Majlis Pemeriksa Pusat Pengajian/Pusat dan disahkan oleh Majlis Peperiksaan Universiti seperti berikut:

1. Bagi alasan yang diterima oleh Majlis Peperiksaan Universiti, calon akan diberikan Gred DK [dengan kebenaran]. Gred DK akan diberikan kepada pelajar jika dia mengemukakan sijil sakit (daripada hospital/klinik kerajaan atau klinik panel/klinik USM) atau mengemukakan alasan-alasan yang diterima oleh Majlis Peperiksaan Universiti. Gred DK akan dikecualikan dalam pengiraan PNG/PNGK pelajar berkenaan.
2. Calon yang tidak menduduki peperiksaan tanpa alasan akan diberikan Gred F*

2.3.7 Penamatan Pencalonan

Tanpa adanya prasangka terhadap syarat di atas, **Majlis Peperiksaan USM mempunyai kuasa mutlak untuk memberhentikan pengajian seseorang pelajar jika pelajar tidak memenuhi jumlah minimum kredit terkumpul.**

Majlis Peperiksaan USM juga boleh menamatkan pengajian seseorang pelajar atas sebab-sebab tertentu (tidak mendaftar kursus, tidak hadir peperiksaan tanpa alasan), termasuk alasan perubatan, yang menyebabkan pelajar tersebut tidak lagi sesuai untuk meneruskan pengajiannya di Universiti ini.

2.3.8 Keputusan Peperiksaan

Keputusan penuh (bergred) akan diumumkan Universiti melalui portal *CampusOnline* (campusonline.usm.my) selepas mesyuarat Majlis Pemeriksa Pusat Pengajian, iaitu lebih kurang dalam tempoh satu bulan selepas peperiksaan.

Pelajar boleh mencetak sendiri dokumen keputusan rasmi peperiksaan

masing-masing yang dinamakan 'SEMGRED' melalui portal *CampusOnline* (campusonline.usm.my) pada hari/tarikh yang sama keputusan peperiksaan diumumkan.

2.3.9 Semakan Semula Keputusan Peperiksaan

Pelajar boleh memohon untuk menyemak semula keputusan peperiksaan bagi kursus yang diambil pada semester berkenaan. Borang permohonan boleh didapati dalam laman sesawang rasmi atau di kaunter Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar setiap kampus. Borang rayuan semakan semula tersebut hendaklah diserahkan berserta dengan salinan resit rasmi pembayaran/penyata *e-payment* berjumlah RM25.00 bagi satu kertas soalan. Tempoh rayuan adalah dua (2) minggu selepas keputusan rasmi diumumkan.

Proses penyemakan semula hanya melibatkan pengesahan sama ada semua skrip jawapan telah diperiksa dan diberikan markah secara konsisten serta penghitungan markah adalah betul. Skrip jawapan kursus berkenaan tidak akan dinilai semula.

Pusat pengajian akan mengesahkan sebarang pindaan pada keputusan peperiksaan pelajar berkenaan. Sekiranya terdapat pindaan gred/markah, pelajar boleh meminta pengembalian wang semakan semula sebanyak RM25.00. Unit Peperiksaan dan Pengijazahan akan membuat pindaan bagi keputusan peperiksaan kursus berkenaan dan pelajar boleh menyemak status terkini dalam portal *CampusOnline* masing-masing.

2.4 Pengecualian Unit

2.4.1 Pengecualian Unit

Pengecualian unit ditakrifkan sebagai sejumlah unit yang diberikan kepada pelajar yang mengikuti kursus di USM yang dikecualikan daripada keperluan pengijazahan. Pelajar hanya perlu mengumpul sejumlah baki unit tertentu bagi tujuan pengijazahan. Kelulusan atau gred kursus yang dikumpulkan atau diperolehi di USM, yang diambil kira dalam pengiraan purata nilai gred kumulatif (PNGK) bagi tujuan pengijazahan.

2.4.2 Peraturan dan Pelaksanaan Pengecualian Unit

1. Pelajar Lulusan Diploma daripada IPT Awam dan IPT Swasta yang diiktiraf:

- a. Pengecualian unit hanya boleh diberikan bagi kursus-kursus yang diperoleh pada peringkat diploma termasuk dua (2) kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) iaitu Falsafah Dan Isu Semasa dan Penghayatan Etika Dan Peradaban.

Walau bagaimanapun, pengecualian unit tidak dibenarkan bagi kursus Bahasa di bawah Kelompok U1 Mata Pelajaran Umum (MPU).

- b. Kursus-kursus yang dipohon pengecualian unit boleh digabungkan (meliputi dua atau lebih) untuk mendapat pengecualian unit bagi satu kursus pada peringkat ijazah. Walau bagaimanapun, sekiranya Pusat Pengajian ingin memperakukan satu kursus sahaja pada peringkat diploma untuk mendapatkan pengecualian unit satu kursus pada peringkat ijazah, kursus pada peringkat diploma berkenaan mestilah yang setara dengan kursus peringkat ijazah dan mempunyai unit yang sama atau lebih.
- c. Kursus-kursus yang telah diikuti semasa bekerja (dalam perkhidmatan) oleh pelajar lepasan diploma tidak boleh dipertimbangkan untuk pengecualian unit.
- d. Pencapaian minimum dalam peperiksaan bagi kursus-kursus pada peringkat diploma yang boleh dipertimbangkan pengecualian unit adalah sekurang-kurangnya gred C atau 2.0 atau setara.
- e. Jumlah pengecualian semester tidak melebihi dua semester.
- f. **Untuk memperoleh pengecualian unit latihan industri**, pelajar mestilah mempunyai pengalaman bekerja berterusan selama sekurang-kurangnya dua tahun dalam bidang yang berkenaan. Sekiranya pelajar telah menjalani latihan industri semasa mengikuti program pengajian pada peringkat diploma, pelajar perlu mempunyai pengalaman bekerja selama satu tahun.

Kursus ini menumpukan kepada kefahaman konsep, bahan, prosedur dan kemahiran melukis. Kursus ini turut memperkenalkan pelbagai teknik, kaedah, bahantara konvensional dan proses yang penting dalam bidang seni lukis. Kajian meliputi elemen formal dan aspek piktorial bagi memberi kefahaman yang lebih jitu dalam aspek gubahan, ruang dan bentuk. Kursus ini disokong dengan pemahaman asas sejarah lukisan.

VHL 112/3 LUKISAN RUANG DAN ANALITIKAL

Kursus ini tertumpu kepada proses visualisasi objek berbentuk dua dimensi melalui proses observasi. Keutamaan diberikan kepada aspek kadar banding objek, ruang, kekuatan struktur dan nilai garisan.

VHT 102/2 APRESIASI SENI

Kursus ini memperkenalkan kepada aspek-aspek apresiasi seni yang merangkumi pelbagai bidang di dalam seni visual. Penekanan diberikan kepada konsep bahasa tampak yang digunakan oleh artis, perkembangan sejarah seni dan nilai budaya melalui analisis deskriptif. Proses kreatif pengkaryaan akan dibincangkan melalui kajian konsep, tema, objektif pengkaryaan, elemen dan prinsip seni dan rekabentuk, sama ada daripada sudut seni Barat atau Timur.

VHP 101/4 PENGENALAN KEPADA CETAKAN

Kursus ini merupakan kursus pengenalan terhadap asas cetakan yang menggariskan aspek-aspek asas dalam studio cetakan. Kursus ini memperkenalkan asas-asas teknik, media, alatan, dan pengistilahan yang digunakan di dalam studio cetakan. Asas cetakan seperti cetakan kayu, sutera saring, litografi, kolografi dan cetakan digital akan dilakukan secara praktis. Kursus ini meliputi kedua-dua bentuk kerja-kerja studio (teknikal) dan pengenalan kepada sejarah dan estetika cetakan dari perspektif Timur, Barat dan sezaman.

VHV 111/3 KAEDAH DAN TEORI SEJARAH SENI VISUAL

Kursus ini memperkenalkan cara-cara penulisan seni dalam bidang sejarah seni dan analisa karya menggunakan kaedah dan teori sejarah seni secara perbandingan dan/atau berdasarkan teori-teori terpilih.

VHA 201/4 PEMBUATAN DAN PEMBENTUKAN ARCA ACUAN

Kursus ini memberi penjurusan kepada teknik pembuatan dan reproduksi bentuk di dalam arca secara acuan. Selain teknik, konsep dan sejarah seni arca Asia Tenggara akan turut dikaji seperti konsep bentuk dan simbol di dalam seni ukiran dan binaan Melayu serta seni patung dan logam Indo-China. Aspek-aspek lain yang turut dikaji adalah adat dan kepercayaan, simbol dan objek, metafora motif dan objek atau subjek yang digunakan sebagai inspirasi seni. Teknik dan bahan yang digunakan adalah besi, plumbum, acuan gangsa, konstruksi besi, fabrikasi logam dan acuan gentian kaca.

VHC 201/4 KONFIGURASI BENTUK DALAM CATAN

Kursus ini menekankan kepada aspek konfigurasi bentuk yang wujud dalam catan. Perbandingan dalam catan tradisi, moden dan sezaman dikaji. Analisis kesedaran kepada estetik dan sejarah perkembangan catan meliputi topik-topik terpilih akan turut dibincangkan.

VHF 201/4 MEDIA FOTO PERTENGAHAN

Kursus ini memberi pendedahan dan bimbingan terhadap aspek kreativiti, artistik dan konsep keideaan mediafoto. Kursus ini memberikan tumpuan kepada aplikasi dan kesedaran sejarah dan juga estetika mediafoto moden dan sezaman.

VHK 224/3 ASPEK-ASPEK KESENIAN TRADISIONAL ASIA TENGGARA

Kursus ini memberi pendedahan dan pemahaman secara umum kepada pelajar terhadap aspek sejarah, estetik, pengayaan, isu, tema, bentuk karya dan ideologi kesenian visual tradisional yang wujud di Asia Tenggara.

VHL 202/3 LUKISAN EKSPERIMENTAL

Kursus ini bertumpu kepada penerokaan teknik, tema, format, bahantara dan persembahan lukisan berdasarkan asas-asas inovasi dan eksperimental. Elemen artistik, proses, persepsi dan teknik adalah antara aspek yang akan diberi penekanan. Ia akan diaplikasikan melalui dasar penerokaan, pencarian dan mencipta kemungkinan-kemungkinan baru terhadap lukisan daripada sumber konvensional atau berasaskan teknologi semasa.

VHP 201/4 CETAKAN TIMBUL DAN INTAGLIO

Kursus ini akan memberi penumpuan terhadap kefahaman teknikal dan persepsi artistik dalam seni cetakan timbul dan Intaglio. Aspek keideaan juga akan diberi perhatian. Sejarah dan teori seni cetak timbul dan intaglio Timur, Barat dan sezaman turut di tekankan dalam konteks persepsi dan aplikasi teknik.

VHS 202/3 SENI LUKIS MODEN MALAYSIA

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar pemahaman aspek-aspek sejarah, zaman, pengayaan, stail, isu, tema, jenis-jenis karya, ideologi dan kecenderungan yang terdapat sekitar semasa perkembangan seni lukis moden Malaysia. Kursus ini akan memberikan penekanan daripada awal abad ke 20 sehingga kini.

VHS 203E/4 ASIAN MODERN ART

This course will introduce the students comprehension and selected remarks on historical aspects, stylization, issues, themes, types of art works and artistic proclivities in the Asian region beginning from the late 19th century until today. It will focus on the development of modern and contemporary art in South Asia, Southeast Asia, and East Asia and the discuss the encounter and changes from traditional art to modern art and even to postmodern nuance in the region.

VHA 301/4 SENI INTALASI

Kursus ini dibahagikan kepada Tiga topik pembelajaran, instalasi, persekitaran dan *site-specific*. Pelajar diperkenalkan kepada teori, falsafah, konsep dan sejarah seni arca sezaman. Di antara teknik yang digunakan adalah pengabungan dan pembinaan struktur dengan bahan batu, kayu, besi dan konstruk si bahan campuran.

VHC 301/4 CATAN DIGITAL

Kursus ini mengkaji konfigurasi bentuk dalam catan yang dijana melalui aplikasi digital yang melibatkan perisian. Penekanan diberikan kepada konsep, persepsi dan teknik catan sezaman berasaskan teknologi tersebut secara ‘eksplorasi terbimbing’ (*guided exploration*) untuk mencipta nahu ‘baru’ catan dalam paradigma tersebut. Penekanan terhadap aspek kebudayaan setempat akan juga dibuat selain pemahaman terhadap wacana global di sekitar paradigma digital dan elektronik tersebut.

VHF 301/4 MEDIA FOTO LANJUTAN

Kursus ini bertujuan memberi bimbingan aspek artistik dan idea mediafoto pada tahap maju. Kursus ini meneroka teknik, gaya, format dengan penekanan khususnya dalam aspek media foto digital.

VHI 301/8 LATIHAN INDUSTRI

Kursus ini bersifat latihan langsung yang diterima dalam tahap industri. Penumpuan latihan adalah samada dari aspek praktis profesional, pengurusan atau pentadbiran seni visual kreatif. Pelajar akan ditempatkan dalam salah satu dari ruang tumpuan tersebut selama antara dua sehingga ke tiga bulan.

VHK 301/3 KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN SENI VISUAL

Kursus ini memberi pendedahan asas teoritikal dan praktikal dalam aspek keusahawanan dan pengurusan seni visual menghusus dalam disiplin seni halus.

Pemahaman realiti pasaran seni di Malaysia dan di luar negara akan juga diberi penekanan dalam bentuk teoritikal dan juga praktikal. Aspek pengurusan seniman,

studio, karya, pemasaran seni, jaringan seni tempatan dan antarabangsa dan juga pameran seni akan disentuh dan dibincangkan.

VHP 301/4 SERIGRAFI DAN LITOGRAFI

Kursus ini akan memberi fokus terhadap kefahaman dari aspek konsep, konteks dan aplikasi seni cetakan serigraf dan litografi. Ianya merangkumi kajian terhadap teknik, bahan dan imej yang terhasil. Aspek idea dan eksplorasi teknik akan ditekankan berdasarkan potensi-potensi yang wujud pada format dan imej cetakan. Estetika cetakan serigraf tradisi, moden dan sezaman akan juga didedahkan kepada pelajar sepanjang pembelajaran kursus tersebut.

VHT 333E/3 ASPECT OF WESTERN MODERN ART

This course will look at the aspects of Western modern art beginning from the early 19th century until today including major art styles and art movement in that period. It will look at ideological aspects, examples of artwork and the main artists involved chronologically.

VHA 401/4 ARCA DIGITAL

Kursus ini memberi penumpuan kepada usaha eksploratif dan eksperimental dalam penciptaan arca menggunakan media baru (digital). Ia menekankan sifat silang disiplin antara seni, sains dan teknologi. Kursus ini berteraskan semangat penerokaan seni sezaman melalui konsep gabungan seni dan teknologi.

VHC 401/4 INTEGRASI DAN PROSES MEDIA

Kursus ini tertumpu kepada ciptaan catan sezaman (kontemporari). Ia berteraskan kajian eksploratif dan eksperimental dalam proses penghasilannya. Proses tersebut merangkumi eksplorasi format, bahantara, teknik dan idea. Penyelidikan terhadap reaksi dan interaksi antara media konvensional dan bukan konvensional akan diperhatikan bagi mencari kesesuaian bahan dan bahantara dalam pengolahan idea dan visi artistik individu.

VHF 401/4 MEDIA FOTO ALTERNATIF

Kursus ini akan meneroka teknik, tema, format dan persembahan media foto yang berteraskan pendekatan inovasi dan eksperimental terbimbing. Pelajar akan dibimbing untuk menerokai elemen-elemen mediafoto tersebut untuk menghasilkan penyelesaian yang berbentuk eksperimental dan inovatif. Elemen artistik dan keideaan konseptual media foto akan menjadi asas kepada penerokaan tersebut.

VHM 401E/3 FINE ART STUDIO SEMINAR

This studio seminar course emphasizes on visual research aspect that includes subjects such as idea, visual exploration process and visual problem solving. The research aspects will be understood and critically debated to find the strength of the visual imageries displayed based on selected ideas or topics. The relationship between the significant of the idea and its visualization will be given attention

throughout the process. This student-oriented course will also focus on student's

verbal articulation, visual and written composition aspects highlighting the projects and its research argumentation.

VHP 401/4 CETAKAN ALTERNATIF

Kursus ini menitikberatkan aspek penghasilan karya yang bersifat eksplorasi terhadap cetakan konvensional. Penghasilan karya-karya cetakan yang bersifat eksperimen amat diutamakan disamping kefahaman penggunaan bahan, ruang, serta adaptasi konsep. Penerokaan terhadap potensi-potensi dari method yang di luar jangka juga akan dijalankan semasa kerja-kerja penghasilan karya dijalankan di dalam studio.

VHR 405/8 PROJEK AKHIR SENI VISUAL

Kursus ini tertumpu kepada projek penciptaan karya visual kreatif. Profesionalisme praktis seniman visual kreatif dalam konteks studio yang menyeluruh menjadi keutamaan kursus ini. Dibawah seliaan penyelia, pelajar dikehendaki mencipta dan menyiapkan sejumlah karya-karya visual kreatif pada tahap profesional secara sendiri. Kursus yang berpusatkan pelajar ini juga menekankan aspek penyelidikan visual sebagai asas kepada penciptaan karya visual tersebut

IJAZAH SARJANA MUDA SENI HALUS [KEPUJIAN]

GRAFIK KOMUNIKASI

VGT 101/4 PENGIKLANAN GRAFIK

Kursus ini membolehkan pelajar memahami konsep pengiklanan grafik sebagai alat komunikasi serta hubungannya dengan masyarakat; peranan agensi pengiklanan grafik, tabiat penGguna; langkah-langkah penyampaian maklumat, kajian mengenai pengiklanan, kempen pengiklanan, pilihan media, isu perundangan dalam pengiklanan dan juga kerjaya di dalam bidang pengiklanan.

VGT 102E/3 TEXT LITERACY AND PUBLISHING

This course provides fundamental skills in which designers are expected to possess acceptable level of intellectual capacity as well as being excellent creative executioners. In short, they have to be knowledge workers as called for in all professions in the globalised world. As such, the course provides professional insights into text, graphics and the complimentary processes that take raw text to the published state. All this will be discussed in the core. This course can be defined as the explicit management of the main complimentary skills in which it is capable of contributing to molding a new generation of thinking designers.

VGT 103/3 TIPOGRAFI

Kursus ini memperkenalkan penggunaan taip, yang meliputi proses pencetakan dan memberi penekanan kepada rekabentuk taip dalam bentuk asal, termasuk mengenal muka taip melalui perspektif sejarah, komposisi, juga sintaksis dan sistematik yang digunakan untuk mempertingkatkan kualiti komunikasi dan maklumat. Pelajar juga diperkenalkan kepada prosedur asas studio.

VGT 104/3 PENJENAMAAN DAN IDENTITI KORPORAT

Kursus ini membolehkan pelajar untuk menjelajahi idea dan proses penjenamaan serta mengintegrasikan pengalaman dalam penyelesaian kreatif khususnya dalam rekabentuk. Kursus ini akan menyiasat proses kedudukan jenama, pemikiran strategik, kajian kes penjenamaan, komunikasi berintegrasikan jenama/imej, pelancaran produk, dan teknik menerapkan maklumat ini untuk projek rekabentuk individu dan berkumpulan yang memberi gambaran pengalaman jenama yang menyeluruh. Kursus ini juga akan memantapkan kesedaran dalam penjenamaan melalui identiti korporat untuk organisasi komersial dan tidak komersial serta kemahiran untuk membina, mengekalkan dan mengubah sesuatu identiti korporat mengikut keperluan semasa.

VRA 101/4 ELEMEN DAN PRINSIP REKABENTUK

Kursus ini merupakan asas kepada rekabentuk 2 dimensi dan 3 dimensi. Pelajar diberi pendedahan kepada elemen-elemen dan prinsip-prinsip asas rekabentuk dalam setiap projek. Pelajar juga didedahkan kepada penyelidikan rekabentuk yang berasaskan penyelesaian masalah, eksperimentasi bahan dan kaedah pembuatan atau

penghasilan objek dalam bentuk 2 dimensi dan juga 3 dimensi.

VRA 102E/2 THEORY AND PRACTICE OF VISUAL COMMUNICATION

This course equips students with the essential skills in professional communication covering concepts, process and work both as an individual and within a group environment. This course enables students to develop their conceptual and research skills in achieving technical and creative outcomes, and to obtain essential skills in managing time and resources of their design projects.

VRA 103/2 PRAKTIS STUDIO VISUAL 1

Kursus ini memfokuskan pada aspek penciptaan karya seni. Pelajar ditekankan pada kemahiran pemerhatian, penterjemahan visual yang berkualiti dalam membina idea serta memberi pengalaman asas menghasilkan karya berdasarkan kefahaman elemen dan prinsip seni. Pelajar diberi peluang untuk melakukan eksplorasi pelbagai jenis media dan eksperimentasi dengan teknik berbeza dalam aktiviti studio.

VRA 104E/3 INTRODUCTION TO COMPUTER GRAPHIC

This course introduces several types of computer software, currently used in graphic design industry. The course also prepare the students with fundamental training to ensure that they are acquainted with computer-aided design, especially computer graphic software.

VRA 105/2 SEJARAH SENI DAN REKABENTUK

Kursus teori ini akan memberi pendedahan umum kepada pelajar terhadap sejarah seni dan membuat penelitian terhadap ekologi rekabentuk serta konsep penghayatan dan persepsi seni. Kursus ini juga mempertengahan beberapa teori seni yang mempengaruhi falsafah, konsep dan bahan dalam konteks rekabentuk. Beberapa aspek kreativiti dan perkembangan rekabentuk yang berkaitan turut dikaji. Perhatian turut diberi kepada jangka masa, stail, citarasa, fungsi serta sudut semantik produk.

VRA 106/3 ASAS NARATIF DAN PENJANAAN IMEJ

Kursus ini menekankan aspek-aspek persepsi dan pemahaman prinsip serta teori dalam rekabentuk struktur naratif. Ia juga meliputi unsur kajian analitikal dan kritis dalam rekabentuk struktur naratif. Rekabentuk struktur naratif ini diaplikasi dan didokumen dalam bentuk karya bertulis dan digital.

VRA 107E HERITAGE DESIGN

This course exposes students to the basic definitions and types of heritage and design. The course also provides opportunity for students to survey the relationship between cultural formation and design creation that cut across cultural, racial and national differences. The course describes several basic principles that underlie traditional Asian design and its relation to cross-cultural design practices. The core content is the exposure to overlapping paradigms in the process of cultural formation and design creation – modern/mass media and post-modern/multimedia. This course emphasizes on discussion, discourse, seminar, brainstorming, group

work and collaborative research.

VRA 108/2 PRAKTIS STUDIO VISUAL 2

Kursus ini memfokuskan kepada penciptaan karya seni. Ia memberi penekanan kepada kemahiran pemerhatian, penterjemahan visual yang berkualiti dalam proses pembinaan idea serta memberi pengalaman asas dalam menghasilkan karya berdasarkan kefahaman elemen dan prinsip seni dan rekabentuk. Pelajar juga diberi peluang untuk melakukan eksplorasi pelbagai jenis media dan eksperimentasi dengan teknik-teknik yang berbeza dalam aktiviti studio.

VRA 109/3 MEDIA INTERAKTIF 1

Kursus ini adalah kursus pengenalan kepada rekabentuk interaktif. Pelajar akan diperkenalkan kepada isu-isu yang merangkumi persekitaran, bentuk, teknik and konsep media interaktif. Kursus ini juga memberi penekanan kepada teknologi laman sesawang di mana intergrasi konsep, acara, kandungan akan diterapkan dalam projek berbentuk laman sesawang dan prototaip digital. Kursus ini juga akan meneroka peranan artis dan pereka dalam bidang proses pembelajaran/penyesuaian rekabentuk interaktif, perisian terbaru, praktis baik dan pengaturcaraan. Strategi-stragei untuk meningkatkan kemahiran asas, menjana idea, prototaip, pembentangan dan kolaborasi adalah komponen-komponen yang akan dimuatkan dalam kursus ini.

VGT 201/3 REKABENTUK PEMBUNGKUSAN

Kursus ini memberi pendedahan kepada para pelajar terhadap fungsi utama sesuatu pembungkusan, memberikan pemahaman asas terhadap bahan-bahan utama sesuatu pembungkusan dan prosesnya serta mengambil kira aspek rekabentuk yang sesuai, teknik pemasaran, aspek undang-undang dan alam sekitar.

VGT 202/3 ILUSTRASI GRAFIK

Kursus ini memfokuskan prinsip asas ilustrasi yang melibatkan penggunaan warna, bentuk, komposisi, perkembangan konsep dan kemahiran komunikasi visual. Kursus ini juga memberi penekanan kepada kefahaman sejarah dan kepentingan ilustrasi dalam rekabentuk grafik. Hasil tugas karya asli pelajar memerlukan kombinasi manual dan media digital.

VGT 203/3 KUMPULAN KEPAKARAN KHUSUS REKABENTUK GRAFIK

Kursus ini menggalakkan perkembangan rentas disiplin dalam bidang rekabentuk grafik seperti pengiklanan, tipografi, penjenamaan, identiti koporat, ilustrasi grafik, 'copy writing' dan isu-isu kelestarian yang berkaitan dengan komunikasi visual. Kursus ini juga mendorong pelajar untuk bekerjasama dalam bidang pengkhususan masing-masing atau rentas disiplin bagi meningkatkan interaksi yang baik dalam bentuk kumpulan untuk mencapai matlamat yang ditetapkan.

VGT 204/4 PENULISAN REKABENTUK

Kursus ini memperkenalkan penulisan rekabentuk sebagai satu teknik untuk

menganalisis dan menerangkan artifak rekabentuk grafik, etika, proses dan teori.

Pelajar akan meneliti penulisan sebagai satu kemahiran dalam menyampaikan maklumat bertulis dan visual untuk penerbitan jurnal, majalah, pameran, blog, laman web dan sebagainya. Pelajar juga berpeluang untuk menulis dan menerbitkan beberapa laporan.

VGT 205/2 PENATAAN SENI

Kursus ini menghuraikan tujuan penataan seni dalam industri rekabentuk grafik, teknik-teknik dalam penataan seni serta tugas-tugas seorang penata arah seni grafik. Kursus juga ini membina pemahaman penataan seni dan impaknya dalam penyediaan hasil kerja grafik yang baik dengan mengkaji contoh hasil kerja projek-projek grafik yang bermutu.

VGT 220/10 LATIHAN INDUSTRI [REKABENTUK GRAFIK]

Kursus ini memberikan peluang kepada para pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari di peringkat universiti dan menimba pengamalan berkerja di industri sebenar. Sepanjang tempoh latihan industri dijalankan, para pelajar dapat mengadaptasi segala teori dan kemahiran dalam membuat projek yang sebenar mengikut keperluan dan kehendak pasaran.

VGT 301/2 LATIHAN PROFESIONAL REKABENTUK

Kursus ini menyediakan pelajar dengan kemahiran dan kebolehpayaan diri supaya pelajar dapat berkerja sebagai seorang professional dalam bidang rekabentuk secara efektif setelah tamat pengajian. Kursus ini dibentuk untuk mempertingkatkan daya kreativiti dan kemahiran visual yang diperoleh pada peringkat ijazah pertama yang diperlukan untuk memulakan kerjaya dalam industri kreatif. Kursus ini menggabungkan praktis pendidikan kontemporari dengan jaringan industri yang berkesan. Kursus ini juga memfokuskan penyelidikan dan latihan kerja studio bagi penyediaan portfolio selaras dengan perkembangan teknologi dan kemahiran keusahawanan masa kini.

VRE 301E/4 CREATIVE ENTREPRENUESHIP

This course identifies the understanding in entrepreneurship in the creative industries by integrating elements of creative industries developments like logistics, tender and offers, method of marketing and promotion of creative products. Students are trained to think critically in promotional and marketing tactics in the creative industries.

VRT 301/4 METODOLOGI PENYELIDIKAN REKABENTUK

Kursus ini memberi tumpuan kepada penyelidikan rekabentuk yang memenuhi objektif-objektif tertentu. Pelajar akan meneliti beberapa pendekatan berhubung dengan kajian berlandaskan seni dan studio; dan prosedur penyelidikan yang merangkumi kaedah persampelan dan pengumpulan data. Kursus ini juga memberikan penekanan kepada isu-isu etika dalam penyelidikan. Pelajar berpeluang

untuk menulis satu cadangan penyelidikan seni dan menjalankan satu projek penyelidikan yang kecil secara berkumpulan.

VGT 411/4 PROJEK REKABENTUK 1 [REKABENTUK GRAFIK]

Kursus ini melengkapkan pengetahuan pelajar tentang proses penyelidikan rekabentuk projek tahun akhir dalam bentuk penulisan/laporan penyelidikan dan penghasilan projek rekabentuk. Pelajar dikehendaki menyediakan cadangan penyelidikan yang berdasarkan konsep kelestarian, sosia-budaya, atau isu-isu semasa dalam rekabentuk grafik. Kursus ini bertujuan mengasah dan mempertingkatkan kemahiran pelajar menyediakan penulisan ilmiah yang berasaskan penyelidikan berbentuk praktikal yang menumpukan kajian visual, kajian kes, ulasan literatur dan metodologi penyelidikan rekabentuk. Penyelia/pensyarah akan memantau progres penyelidikan pelajar melalui perbincangan dan perundingan yang telah ditetapkan dan pelajar perlu membentangkan hasil kajian/penyelidikan secara berkala. Hasil dan dapatan kajian ini akan digunakan untuk penghasilan karya dalam kursus lanjutan.

VGT412/4 PROJEK REKABENTUK 2 [REKABENTUK GRAFIK]

Kursus ini memberi tumpuan kepada pelaksanaan dan pelengkapan cadangan penyelidikan daripada kursus VGT411 Projek Rekabentuk 1 (Rekabentuk Grafik). Projek rekabentuk ini merupakan satu platform yang penting kepada pelajar untuk mencerminkan tahap pengetahuan yang tinggi dalam semua aspek proses penghasilan karya rekabentuk bermula dari penyelidikan, lakaran, perkembangan ide dan visual, penekanan konsep/teori rekabentuk, pengolahan prinsip dan elemen rekabentuk serta kemahiran teknikal. Hasil karya seni akan dipamerkan kepada umum dan pernyataan bertulis pelajar akan didokumentasikan ke bentuk penulisan tesis/laporan penyelidikan yang lengkap dan berjilid. Pelajar kursus ini juga perlu mengambil tanggungjawab untuk menguruskan sebuah pameran rekabentuk dengan kolaborasi pelajar dari pengkhususan rekabentuk yang lain. Penilaian akhir karya akan dilakukan melalui sesi pembentangan bersama para pensyarah.

IJAZAH SARJANA MUDA SENI HALUS [KEPUJIAN]

LAKONAN DAN PENGARAHAN

VT A 102E/3 FUNDAMENTALS OF ACTING

This course focuses on the fundamentals of acting and emphasizes spontaneous communication in movement, dialogue, expression and emotion. The students explore the tools of an actor – voice, body, gesture and the embodiment of these in a natural manner. This course concentrates on acting skills through the use of improvisational techniques and performance. The course also focuses on verbal and nonverbal language used in by actors to communicate with co-actors and audience.

VT C 153/2 PRAKTIKUM TEATER TRADISIONAL MELAYU UTARA

Kursus ini menumpu kepada teknik-teknik teras lakon dalam teater tradisional melayu di Utara Malaysia. Teknik teras yang akan disampaikan dalam kursus tersebut adalah teknik improvisasi. Pelajar-pelajar akan mendekati improvisasi dari aspek fizikal, (posisi, pergerakan, gerak isyarat, blocking) vokal (dialog, nyanyian, bernasib, pantun, syair, gurindam) dan mental (emosi, imaginasi dan penghayatan)

VT M 143/3 PENGURUSAN PRODUKSI

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada struktur organisasi pengurusan produksi persembahan dan pentadbiran. Pelajar akan diperkenalkan kepada istilah-istilah teknikal, jenis tugas produksi, asas pengurusan pentas, asas pengurusan panggung, front of house, pemasaran, publisiti, kewangan dan kemahiran insaniah dalam menangani sesebuah produksi.

VT P 112E/3 FUNDAMENTALS OF DIRECTING

This course introduces students to the basic role and responsibilities of a director from choosing of text, to casting actors, working with designers, rehearsing and integrating the creative elements into a cohesive performance. Students experience each of the steps involved in the directorial process as well as techniques and strategies of directing.

VT R 161/3 PENGANALISAAN NASKHAH SKRIP

Kursus ini memperkenalkan cara menganalisis skrip drama untuk pentas. Pelajar berpeluang memilih skrip daripada pelbagai zaman dan bentuk termasuk skrip tertulis dan 'storyboard' untuk skrin. Pelajar akan memeriksa bagaimana penulis membentuk skrip dengan menggunakan teknik dan konvensi yang bersesuaian dengan medium dan genre. Pelajar juga memeriksa bagaimana penulis membawa pandangan dan persepsi terhadap isu semasa di dalam karyanya.

VT T 161/3 PENGANTAR DRAMA & TEATER

Kursus ini menghuraikan asal-usul dan perkembangan sejarah teater, serta prinsip

dan

elemen asas persembahan ritual dan sekular. Skop pembelajaran meliputi perkembangan teater di Barat dan Timur, serta aliran-aliran terkenal dari zaman tradisional sehingga ke zaman sekarang. Pelajar digalakkan berbincang tentang unsur-unsur persembahan, skrip, kandungan drama dan lain-lain aspek teater melalui tontonan video, lakonan, arahan, produksi teater serta aktiviti komuniti.

VTT 181/3 KAJIAN TEATER ASIA

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada pelbagai bentuk teater Nusantara dengan menyusuri sejarah asal-usul wujudnya sesuatu bentuk teater itu. Kursus ini turut meneroka bagaimana falsafah sesuatu tamadun bangsa dan pandangan terhadap dunia mempengaruhi kewujudan sesuatu bentuk teater. Secara tidak langsung, faktor-faktor ekonomi, sosial dan politik sesuatu tamadun bangsa dan pengaruhnya dalam pembentukan ciri-ciri teater akan turut ditinjau.

VTW 161E/3 ACADEMIC EXERCISE

This course introduces students to the basic techniques of academic writing. The course trains students to organize their thoughts in an order to produce effective piece of academic writing. Students are taught to analyze facts and information and to write ethically. Students are taught the basic principles of sound academic writing. Students are also trained to make references and citations correctly according to the available systems (APA, MLA, HARVARD).

VTA 202E/3 INTERMEDIATE ACTING

This course focuses on the craft of acting. It introduces the concept of actor as story interpreter. The practical teaching consists of the physical , mental and vocal aspects of an approaching acting as self-transformation: the shift from self to character. The first step towards the process is by using improvisation to explore, feel, become and project the self. The second step involves choice of character and character analysis, technique of memorising dialogue as well as stage business. The third step emphasises the tools of the actor that is, breathing, voice, diction, interpretation, movement and gesture as well as unity and coordination of body and voice. Imagination and concentration important in approaching character and characterisation. Selected scripts/texts are used for the exercise.

VTC 253/2 PRAKTIKUM MAKYUNG

Kursus ini dibahagikan kepada bahagian teori dan amali. Bahagian teori meninjau aspek sejarah dan perkembangan Makyung, memberi pengenalan kepada unsur-unsur persembahan, asas muzik, gerak tari, lakonan dan pembikinan peralatan Mak Yong, abjad tari, aspek kinesiology dan teori muzik. Bahagian amali akan menumpu kepada aspek lakonan, muzik, nyanyian dan tarian.

VTP 212E/3 INTERMEDIATE DIRECTING

This course consists of ways on how to manage staging in group through the process of directing. The students are required to work with the actors and creative team to

analyse script/text, while determining the direction and the concept of production. The director will take the interpretation to another level, realising the performance in one act.

**VTR 233E/2 TRADITIONAL & CONTEMPORARY DANCE
TECHNIQUES**

This course explores the basic techniques of traditional and contemporary dance movement. The practical aspect focuses on physical training which combines Silat, Yoga, Malay Dance, Bharatanatyam, Ballet and Contemporary dance techniques. The theoretical aspect discusses the origins of dance, form, aesthetics and choreography.

VTS 223E FUNDAMENTALS OF SCENOGRAPHY

This course reads into theory and practice on scenography and it is divided to 3 parts theoretical aspects of scenography, technical drawing in scenography and design in scenography. The first part of this course emphasises on the basic elements of scenography in the aspects of theoretical and conceptual. Thus, making relationship with other elements of performance such as dramatic and visual analysis in the old methods of performance for example in theatre and traditional dance. Further, all of the mentioned elements are translated to performance. Students will learn the fundamental drawings in scenography (manual and autocad) to develop skills in drawing plans and perspective/ 3D. Besides, students will be introduced to utility of costume, prop, make up, stage and special EFX.

VTT 271/3 KAJIAN TEATER MODEN MALAYSIA

Kursus ini meninjau sejarah dan perkembangan teater moden di Malaysia dari zaman kemerdekaan hingga ke zaman kini. Aliran-aliran teater, skrip dan bentuk persembahan dibincang dan dianalisis dengan merujuk kepada konteks keadaan ekonomi, sosial dan politik di Malaysia.

VTT 291/3 KAJIAN TEATER BARAT

Kursus ini menggalakkan pelajar menganalisis aliran-aliran utama dalam perkembangan teater Barat dari zaman Greek hingga ke zaman kontemporari. Pelajar perlu menganalisis beberapa skrip drama dan menonton video berkaitan yang menunjukkan stail produksi. Tajuk perbincangan merangkumi gaya persembahan, lakonan serta penganalisaan drama dari sudut tema, watak, struktur plot, semiotik dan aspek teatrikal.

VTW 261E/3 RESEARCH METHODOLOGY

This course will provide students to understand on research methodology in theatre and dance studies. This course will also enable student to focus on strategic research in constructing the idea, concept and direction of scientific research. This course also enable students to applied in the form of research writing and present their research paper based on appropriate methodology.

VTA 302E/3 ADVANCED ACTING

This course is designed to help the actor explore his senses, talents, imagination, experiences and personality as a resource. The course leads the actor towards discovering stage & screen acting. The course teaches a student how to use and manipulate the assets that he has, selectively and creatively in order to build a role and to display a character's circumstances as effectively as possible.

VTC 352/8 LATIHAN INDUSTRI

Kursus ini memberi pendedahan bekerja di studio atau badan-badan kesenian profesional mahupun industri/kerajaan/komuniti. Pelajar perlu mengemukakan kertas cadangan, memohon dan mendapatkan kelulusan daripada universiti dan tempat latihan sebelum semester berkenaan bermula. Selain daripada menjalankan latihan amali, pelajar-pelajar juga wajib mengemukakan laporan bertulis serta jurnal di samping memperkembangkan portfolio. Kursus ini memberi peluang kepada pelajar mengalami keadaan sebenar kerja-kerja harian di institusi berkenaan termasuk pengurusan dan pentadbiran.

VTC 353E/2 ARTS THERAPY

This course enables students to explore the various theories and techniques of using the arts as a therapeutic device/tool. Students are encouraged to work with communities with special needs or communities facing pressure or trauma for the period of the course. During the interaction with community, students use arts as a medium to enable participants to express themselves, enhance their well-being and to improve quality of life.

VTP 312E/3 ADVANCED DIRECTING

This course consists of ways on how to manage staging in group, using semiotic approach. The students is required to work with the actors and creative team to analyze script/text, while determine the direction and the concept of production. The director will take the interpretation to another level, realizing the performance in one act.

VTS 323E/3 INTERMEDIATE SCENOGRAPHY

This course deals with the theoretical and practical aspects of stage lighting. It explains the functions, equipment, techniques of stage lighting which serves the aesthetic, dramatic and practical functions of a performance. Beside teaching the students how to draw a light plot and create an instrument schedule, it also teaches them to apply these principles and techniques of lighting in a variety of situations.

VTC 452/2 PRAKTIKUM WAYANG KULIT

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada teater tradisional wayang kulit. Bahagian teori meninjau asal-usul, sejarah perkembangan, struktur persembahan, peralatan muzik, gambalan artikulasi, cerita dan pentas. Aspek amali menumpu kepada permainan alat muzik dan pendalangan.

VTC 453/2 TEATER KOMUNITI

Kursus ini membolehkan pelajar meneroka kepelbagaian budaya dan pluralisme

sosial melalui teater komuniti. Pelajar digalakkan bekerjasama dengan komuniti untuk jangka waktu tertentu bagi mengumpulkan data melalui penyelidikan berhubung isu/naratif/ingatan daripada komuniti. Data yang didapati perlu distruktur dan diinterpretasikan ke dalam suatu persembahan sebagai medium komunikasi bersama komuniti.

VTs 423E/3 *ADVANCED SCENOGRAPHY*

This course exposed the process of translating the written dramatic text into a performance text that is composed of visual elements on stage. The process of translating the written text into a visual composition involves the dramatic analysis of the script, developing the production concept that is realised through the incorporation of the creative elements of acting, dance, music and technical aspects (lighting, sound, stage design and costume). All of these elements are arranged and ordered into a unified dramatic and visual blue print of a production.

VTV 461/3 *KRITIKAN SENI PERSEMBAHAN*

Mendedahkan pelajar kepada teori semiotik dan aplikasinya sebagai suatu sistem bacaan untuk menganalisis persembahan teater. Pelajar juga akan didedahkan kepada semua elemen dan prinsip teori semiotik.

VTV 471/8 *PROJEK AKHIR SENI [PRODUKSI/DISERTASI]*

Kursus ini bernilai 8 unit. Pelajar perlu memainkan peranan utama dalam persembahan atau produksi sebuah naskah/teks/skrip iaitu, berlakon/mengarah atau mengendalikan sinografi/koreografi. Pelajar perlu terlebih dahulu mengemukakan konsep persembahan, menganalisis teks, menguji bakat, menjalankan latihan bagi pelakon, mengarah, merekabentuk dan mengendalikan aspek-aspek teknikal dan persembahan. Pelajar juga diminta mendokumentasikan keseluruhan proses daripada cadangan, konsep hingga kritikan selepas persembahan.

IJAZAH SARJANA MUDA SENI HALUS [KEPUJIAN]

REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI MEDIA BARU

VGT 103/3 TIPOGRAFI

Kursus ini memperkenalkan penggunaan taip, yang meliputi proses pencetakan dan memberi penekanan kepada rekabentuk taip dalam bentuk asal, termasuk mengenal muka taip melalui perspektif sejarah, komposisi, juga sintaksis dan sistematik yang digunakan untuk mempertingkatkan kualiti komunikasi dan maklumat. Pelajar juga diperkenalkan kepada prosedur asas studio.

VRA 101/4 ELEMEN DAN PRINSIP REKABENTUK

Kursus ini merupakan asas kepada rekabentuk 2 dimensi dan 3 dimensi. Pelajar diberi pendedahan kepada elemen-elemen dan prinsip-prinsip asas rekabentuk dalam setiap projek. Pelajar juga didedahkan kepada penyelidikan rekabentuk yang berasaskan penyelesaian masalah, eksperimentasi bahan dan kaedah pembuatan atau penghasilan objek dalam bentuk 2 dimensi dan juga 3 dimensi.

VRA 102E/2 THEORY AND PRACTICE OF VISUAL COMMUNICATION

This course equips students with the essential skills in professional communication covering concepts, process and work both as an individual and within a group environment. This course enables students to develop their conceptual and research skills in achieving technical and creative outcomes, and to obtain essential skills in managing time and resources of their design projects.

VRA 103/2 PRAKTIS STUDIO VISUAL 1

Kursus ini memfokuskan pada aspek penciptaan karya seni. Pelajar ditekankan pada kemahiran pemerhatian, penterjemahan visual yang berkualiti dalam membina idea serta memberi pengalaman asas menghasilkan karya berdasarkan kefahaman elemen dan prinsip seni. Pelajar diberi peluang untuk melakukan eksplorasi pelbagai jenis media dan ekperimentasi dengan teknik berbeza dalam aktiviti studio.

VRA 104E/3 INTRODUCTION COMPUTER GRAPHIC

This course introduces several types of computer software, currently used in graphic design industry. The course also prepare the students with fundamental training to ensure that they are acquainted with computer-aided design, especially computer graphic software.

VRA 105/2 SEJARAH SENI DAN REKABENTUK

Kursus teori ini akan memberi pendedahan umum kepada pelajar terhadap sejarah seni dan membuat penelitian terhadap ekologi rekabentuk serta konsep penghayatan dan persepsi seni. Kursus ini juga mempertengahan beberapa teori seni yang mempengaruhi falsafah, konsep dan bahan dalam konteks rekabentuk. Beberapa

aspek kreativiti dan perkembangan rekabentuk yang berkaitan turut dikaji. Perhatian turut diberi kepada jangka masa, stail, citarasa, fungsi serta sudut semantik produk.

VRA 106/3 ASAS NARATIF DAN PENJANAAN IMEJ

Kursus ini menekankan aspek-aspek persepsi dan pemahaman prinsip serta teori dalam rekabentuk struktur naratif. Ia juga meliputi unsur kajian analitikal dan kritis dalam rekabentuk struktur naratif. Rekabentuk struktur naratif ini diaplikasi dan didokumen dalam bentuk karya bertulis dan digital.

VRA 107E HERITAGE DESIGN

This course exposes students to the basic definitions and types of heritage and design. The course also provides opportunity for students to survey the relationship between cultural formation and design creation that cut across cultural, racial and national differences. The course describes several basic principles that underlie traditional Asian design and its relation to cross-cultural design practices. The core content is the exposure to overlapping paradigms in the process of cultural formation and design creation – modern/mass media and post-modern/multimedia. This course emphasizes on discussion, discourse, seminar, brainstorming, group work and collaborative research.

VRA 108/2 PRAKTIS STUDIO VISUAL 2

Kursus ini memfokuskan kepada penciptaan karya seni. Ia memberi penekanan kepada kemahiran pemerhatian, penterjemahan visual yang berkualiti dalam proses pembinaan idea serta memberi pengalaman asas dalam menghasilkan karya berdasarkan kefahaman elemen dan prinsip seni dan rekabentuk. Pelajar juga diberi peluang untuk melakukan eksplorasi pelbagai jenis media dan eksperimentasi dengan teknik-teknik yang berbeza dalam aktiviti studio.

VRA 109/3 MEDIA INTERAKTIF 1

Kursus ini adalah kursus pengenalan kepada rekabentuk interaktif. Pelajar akan diperkenalkan kepada isu-isu yang merangkumi persekitaran, bentuk, teknik dan konsep media interaktif. Kursus ini juga memberi penekanan kepada teknologi laman sesawang di mana intergrasi konsep, acara, kandungan akan diterapkan dalam projek berbentuk laman sesawang dan prototaip digital. Kursus ini juga akan meneroka peranan artis dan pereka dalam bidang proses pembelajaran/penyesuaian rekabentuk interaktif, perisian terbaru, praktis baik dan pengaturcaraan. Strategi-strategi untuk meningkatkan kemahiran asas, menjana idea, prototaip, pembentangan dan kolaborasi adalah komponen-komponen yang akan dimuatkan dalam kursus ini.

VMT 101E/3 PROGRAMMING FOR INTERACTIVE APPLICATION

This course stresses basic programming concepts used in multimedia programming language. Emphasis is placed on programming in Flash ActionScript, user interface design, and efficient program development to create exciting, compelling interactive

user experiences. At the end of the course, students will be able to create an interactive project such as a Adobe Flash based game, interactive presentations or Adobe Flash-based website.

VMT 105/3 PRODUKSI VIDEO DIGITAL

Kursus ini menawarkan pengetahuan asas produksi digital video dan audio. Pelajar didedahkan dengan sejarah, teori, konsep, teknik dan estetika yang sesuai bagi produksi sesuatu projek video. Melalui kursus ini, pelajar juga diberi pendedahan kemahiran asas merakam, transformasi digital, suntingan dan penghasilan video dan audio untuk menghasilkan idea yang kreatif serta puitis sesuai dengan perkembangan teknologi terkini. Pada akhir kursus ini, pelajar mempunyai persediaan dalam merekabentuk projek video dengan teknik pemikiran kreatif.

VMT 108/3 LUKISAN ANIMASI

Kursus ini asas ini menfokuskan kemahiran, proses dan teknik lukisan animasi. Ia meliputi kemahiran penjanaaan idea dalam penghasilan sesuatu lukisan animasi berdasarkan proses dan teknik manual serta persian/aplikasi terkini. Pelajar juga akan menganalisa prinsip-prinsip asas animasi untuk pemahaman sifat dan karektor. Kursus ini juga menerokai pergerakan figura melalui lukisan sebenar.

VMT 109/3 TEKNIK ANIMASI

Kursus ini menekankan proses dan teknik-teknik asas animasi yang meliputi kemahiran dalam penjanaaan idea untuk penghasilan animasi sel. Pelbagai teknik diperkenalkan seperti teknik gerak-henti, 'cut-out', animasi kertas, animasi tanah liat, animasi boneka dan rotoskop. Penggunaan kamera, elemen pencahayaan, dan perisian komputer digunakan bagi melengkapkan proses dan teknik animasi. Pada akhir kursus ini, eksperimentasi bahan dan objek diaplikasikan dalam penghasilan projek animasi.

VMT 110E/3 CINEMATOGRAPHY AND EDITING

This is a preparatory course for the VMT216 Video Composition. Through this basic course, students will learn the importance of art in cinematography and editing in digital video production. This courses focuses on the industry-based process of digital video production flow which covers pre production, during production and post production. Students will also be exposed to the processes of preparing storyboards, story lines, shooting, and the presentation of the final art work done using digital editing process. Students will be trained to nurture their ability to explore and develop a video production integrated with creative ideas that meets an industry's needs.

VGT 201/3 REKABENTUK PEMBUNGKUSAN

Kursus ini memberi pendedahan kepada para pelajar terhadap fungsi utama sesuatu pembungkusan, memberikan pemahaman asas terhadap bahan-bahan utama sesuatu pembungkusan dan prosesnya serta mengambil kira aspek rekabentuk yang sesuai, teknik pemasaran, aspek undang-undang dan alam sekitar. Kursus ini meneroka

kemahiran persepsi dan praktikal dalam memahami sifat dan ruang dalam permodelan 3D. Kursus ini merangkumi permodelan watak 3D dan kepelbagaian objek menerusi bentuk 'NURBS', Poligon dan 'Subdivisional' dalam perisian komputer 3D. Pelajar perlu meneroka dan manipulasi prinsip-prinsip asas permodelan objek 3D dan watak menerusi proses penjanaan idea, konsep dan lakaran 2D dan akhirnya menterjemahkannya ke bentuk permodelan 3D.

VME 201/3 MEDIA INSTALASI

Kursus ini merupakan gabungan teori dan studio akan memberi pendedahan asas kepada pelajar terhadap paradigma asas, aspek-aspek formal dan konseptual dalam sejarah amalan seni instalasi media interaktif di dalam dan luar negara. Para pelajar juga akan didedahkan dengan beberapa sampel karya instalasi media interaktif sebagai asas pengkajian.

VMT 213/3 TEORI DAN PRAKTIS DALAM MEDIA BARU

Kursus ini memberi tumpuan kepada konteks sosial-budaya dan beberapa perspektif teoritikal seni dan media dalam mengkaji rekabentuk dan penggunaan media baru. Pelajar akan mendapat pemahaman mengenai perkembangan teknologi media dan hubungannya dengan isu-isu seperti literasi; kelestarian, interaksi dan penggunaan; budaya popular, feminisme, pembentukan identiti dan perlambangan. Pelajar juga akan meneliti persoalan etika, harta intelek, regulasi dan governen media baru dalam industri kreatif semasa.

VMT 214/3 MEDIA INTERAKTIF 2

Kursus ini akan menawarkan garis panduan dalam merancang dan membina persekitaran interaktif yang menekankan konsep teknologi dan kandungan digital terkini khususnya dalam mobil dan media interaktif. Kursus ini meliputi pengaturcaraan dan sesi praktikal dalam membina dan memanipulasi pangkalan data dan aplikasi peralatan mobile dengan menggunakan XML dan Adobe Flash atau persian terkini yang lain.

VMT 215/3 ANIMASI DIGITAL 2D

Kursus ini menekankan aspek-aspek kemahiran asas dan teknik-teknik animasi dalam penghasilan rekabentuk animasi digital 2D. Kursus ini juga meneroka dan menganalisa rekabentuk watak dan persembahan aksi yang meliputi pementasan, reka letak dan aksi animasi dalam turutan untuk mencipta naratif visual yang berkesan. Ia juga meliputi kemahiran berkomunikasi dan pemikiran kritis dalam penghasilan karya animasi digital 2D melalui aplikasi dan perisian terkini.

VMT 216/3 KOMPOSISI VIDEO

Kursus ini memerlukan pemikiran kreatif pelajar dalam menghasilkan projek video yang berkaitan dengan isu dan aplikasi terkini. Melalui idea yang dipilih, pelajar perlu menghubungkan teori dan konsep yang sesuai dengan tema. Fokus kursus ini adalah pada seni komposisi dalam produksi video digital. Pelajar akan diberi persediaan terhadap teknik komposisi, arah pengarah dan ukuran sesebuah

pengambaran. Kursus ini juga menitikberatkan kapasiti pelajar untuk mendemonstrasi dan menggambarkan kemahiran teknikal dalam produksi video untuk mempersembahkan idea dan mesej dalam bentuk seni media.

VMT 217/3 TEKNIK KESAN-KESAN VISUAL

Kursus ini mengasah kemahiran teknikal dan konseptual pelajar dalam penghasilan kesan visual bagi sesebuah penerbitan video digital. Dalam kursus ini, pelajar akan menggabungkan teknik yang berasaskan persilangan kemahiran animasi 3D dan 2D dalam produksi video digital. Selain daripada itu, pelajar juga akan mengkaji kesan-kesan visual secara traditional dalam penggambaran. Pada akhir kursus ini, pelajar akan merungkai langkah, strategi dan teknik dalam menghasilkan kesan khas yang kreatif dan selari dengan kehendak industri.

VMT 220/10 LATIHAN INDUSTRI

Kursus ini akan memberi peluang kepada pelajar untuk menimba pengalaman bekerja dalam sektor industri kreatif sewaktu pengajian ijazah sarjana muda. Ketika latihan ini berlangsung, pelajar perlu menyesuaikan diri dengan suasana pekerjaan yang baru dan perlu meningkatkan pengetahuan dan kebolehan teknikal serta konseptual secara proaktif di bawah bimbingan sesebuah syarikat atau pakar/profesional daripada industri rekabentuk media digital. Pada akhir latihan ini, pelajar dapat memahami keperluan dan standard industri dan mempersiapkan diri untuk alam kerjaya sebenar selepas tamat pengajian.

VGT 301/2 LATIHAN PROFESIONAL REKABENTUK

Kursus ini menyediakan pelajar dengan kemahiran dan kebolehpayaan diri supaya pelajar dapat bekerja sebagai seorang profesional dalam bidang rekabentuk secara efektif setelah tamat pengajian. Kursus ini dibentuk untuk mempertingkatkan daya kreativiti dan kemahiran visual yang diperolehi pada peringkat ijazah pertama yang diperlukan untuk memulakan kerjaya dalam industri kreatif. Kursus ini menggabungkan praktis pendidikan kontemporari dengan jaringan industri yang berkesan. Kursus ini juga memfokuskan penyelidikan dan latihan kerja studio bagi penyediaan portfolio selaras dengan perkembangan teknologi dan kemahiran keusahawanan masa kini.

VMT 302/3 ANIMASI 3D

Kursus ini menfokuskan aspek-aspek kemahiran persepsi dan praktikal dalam memahami sifat dan ruang dalam karya animasi 3D. Kursus ini mengenalpasti gerakan berasaskan masa dan bentuk, menggabungkan animasi watak tradisi dengan pendekatan eksperimentasi interdisiplin. Pelajar akan mempelajari ciri-ciri watak, ekspresi muka dan pergerakan watak melalui proses animasi 3D. Pada akhir kursus ini, pelajar dapat menerapkan kemahiran dalam projek animasi 3D secara individu atau berpasukan.

VMT 303/3 VIDEO EKSPERIMENTASI

Kursus ini merupakan program peringkat maju dalam pembikinan video digital. Para pelajar berpeluang mempelajari teknik terkini dalam konsep kelestarian video eksperimental, video instalasi, seni video, seni video mobil, teknologi projektor dan 'pod casting' berdasarkan kecenderungan para pelajar dalam bidang antara disiplin.

VRE 301E/4 CREATIVE ENTREPRENEUSHIP

This course identifies the understanding in entrepreneurship in the creative industries by integrating elements of creative industries developments like logistics, tender and offers, method of marketing and promotion of creative products. Students are trained to think critically in promotional and marketing tactics in the creative industries.

VRT 301/4 METHODOLOGI PENYELIDIKAN REKABENTUK

Kursus ini memberi tumpuan kepada penyelidikan rekabentuk yang memenuhi objektif-objektif tertentu. Pelajar akan meneliti beberapa pendekatan berhubung dengan kajian berlandaskan seni dan studio; dan prosedur penyelidikan yang merangkumi kaedah persampelan dan pengumpulan data. Kursus ini juga memberikan penekanan kepada isu-isu etika dalam penyelidikan. Pelajar berpeluang untuk menulis satu cadangan penyelidikan seni dan menjalankan satu projek penyelidikan yang kecil secara berkumpulan.

VMT 411/4 PROJEK REKABENTUK 1

Kursus ini melengkapkan pengetahuan pelajar tentang proses penyelidikan rekabentuk projek tahun akhir dalam bentuk penulisan/laporan penyelidikan dan penghasilan projek rekabentuk. Pelajar dikehendaki menyediakan cadangan penyelidikan yang berdasarkan konsep kelestarian, sosia-budaya, atau isu-isu semasa dalam media digital atau media interaktif. Kursus ini bertujuan mengasah dan mempertingkatkan kemahiran pelajar menyediakan penulisan ilmiah yang berasaskan penyelidikan berbentuk praktikal yang menumpukan kajian visual, kajian kes, ulasan literatur dan metodologi penyelidikan rekabentuk. Penyelia/pensyarah akan memantau progres penyelidikan pelajar melalui perbincangan dan perundingan yang telah ditetapkan dan pelajar perlu membentangkan hasil kajian/penyelidikan secara berkala. Hasil dan dapatan kajian ini akan digunakan untuk penghasilan karya dalam kursus lanjutan VMT412 Projek Rekabentuk 2 (Media Digital Kreatif).

VMT 412/4 PROJEK REKABENTUK 2

Kursus ini melengkapkan pengetahuan pelajar tentang proses penyelidikan rekabentuk projek tahun akhir dalam bentuk penulisan/laporan penyelidikan dan penghasilan projek rekabentuk. Pelajar dikehendaki menyediakan cadangan penyelidikan yang berdasarkan konsep kelestarian, sosia-budaya, atau isu-isu semasa dalam media digital atau media interaktif. Kursus ini bertujuan mengasah dan mempertingkatkan kemahiran pelajar menyediakan penulisan ilmiah yang berasaskan penyelidikan berbentuk praktikal yang menumpukan kajian visual, kajian kes, ulasan literatur dan metodologi penyelidikan rekabentuk. Penyelia/pensyarah akan memantau progres penyelidikan pelajar melalui perbincangan dan perundingan yang telah ditetapkan dan pelajar perlu membentangkan hasil kajian/penyelidikan secara berkala. Hasil dan dapatan kajian ini akan digunakan untuk penghasilan karya dalam kursus lanjutan VMT412 Projek Rekabentuk 2 (Media Digital Kreatif).

IJAZAH SARJANA MUDA SENI HALUS [KEPUJIAN]

BIDANG REKA BENTUK PRODUK

VMT 105/3 PRODUKSI VIDEO DIGITAL

Kursus ini menawarkan pengetahuan asas produksi digital video dan audio. Pelajar didedahkan dengan sejarah, teori, konsep, teknik dan estatika yang sesuai bagi produksi sesuatu projek video. Melalui kursus ini, pelajar juga diberi pendedahan kemahiran asas merakam, transformasi digital, suntingan dan penghasilan video dan audio untuk menghasilkan idea yang kreatif serta puitis sesuai dengan perkembangan teknologi terkini. Pada akhir kursus ini, pelajar mempunyai persediaan dalam merekabentuk projek video dengan teknik pemikiran kreatif.

VPE 115/3 TEKNIK PERSEMBAHAN VISUAL

Kursus ini merupakan pengenalan kepada teknik pelukisan. Ia memulakan kajian terhadap garisan, bentuk, bayangan, pantulan dan pembiasan cahaya dalam elemen dan prinsip rekabentuk. Semua lukisan perspektif dilakukan secara manual dan pelajar diberi pelbagai bahan untuk melukis dengan menggunakan 'marker', pastel dan pensil warna. Projek berakhir dengan persembahan yang komprehensif pada lakaran rekabentuk, pelukisan dan portfolio.

VPT 111/2 TEKNIK PEMBUATAN MODEL

Kursus ini adalah kursus pengenalan kepada pembuatan model. Selain dari kefahaman asas pada piawaian keselamatan, para pelajar turut dilatih dan didedahkan kepada pembuatan model berskala dan model sebenar.

VPT 112/2 PERMODELAN BERKOMPUTER 1

Kursus ini akan mendedahkan pelajar cara membuat model 2D dan 3D menggunakan perisian berkomputer. Pelajar akan diberikan pendedahan kepada teknik-teknik asas permodelan dan pada akhir semester, pelajar perlu menghasilkan model akhir dengan menggunakan perisian berkomputer yang telah dipelajari.

VPT 113/2 LUKISAN TEKNIKAL 1

Kursus ini merupakan pengenalan kepada lukisan teknikal untuk rekabentuk produk dan perabot. Lukisan adalah secara manual dan perkara yang diliputi adalah lukisan pemaangan secara umum, lakaran isometrik, pandangan pecahan dan lakaran terperinci. Pada peringkat ini, para pelajar juga akan didedahkan kepada asas lukisan teknikal secara berkomputer dengan menggunakan perisian AutoCAD.

VRA 101/4 ELEMEN DAN PRINSIP REKABENTUK

Kursus ini merupakan asas kepada rekabentuk 2 dimensi dan 3 dimensi. Pelajar diberi pendedahan kepada elemen-elemen dan prinsip-prinsip asas rekabentuk dalam setiap projek. Pelajar juga didedahkan kepada penyelidikan rekabentuk yang berasaskan penyelesaian masalah, eksperimentasi bahan dan kaedah pembuatan atau penghasilan objek dalam bentuk 2 dimensi dan juga 3 dimensi.

VRA 102E/2 THEORY AND PRACTICE OF VISUAL COMMUNICATION

This course equips students with the essential skills in professional communication covering concepts, process and work both as an individual and within a group environment. This course enables students to develop their conceptual and research skills in achieving technical and creative outcomes, and to obtain essential skills in managing time and resources of their design projects.

VRA 103/2 PRAKTIS STUDIO VISUAL 1

Kursus ini memfokuskan pada aspek penciptaan karya seni. Pelajar ditekankan pada kemahiran pemerhatian, penterjemahan visual yang berkualiti dalam membina idea serta memberi pengalaman asas menghasilkan karya berdasarkan kefahaman elemen dan prinsip seni. Pelajar diberi peluang untuk melakukan eksplorasi pelbagai jenis media dan ekperimentasi dengan teknik berbeza dalam aktiviti studio.

VRA 104E/3 INTRODUCTION TO COMPUTER GRAPHIC

This course introduces several types of computer software, currently used in graphic design industry. The course also prepare the students with fundamental training to ensure that they are acquainted with computer-aided design, especially computer graphic software.

VRA 105/2 SEJARAH SENI DAN REKABENTUK

Kursus teori ini akan memberi pendedahan umum kepada pelajar terhadap sejarah seni dan membuat penelitian terhadap ekologi rekabentuk serta konsep penghayatan dan persepsi seni. Kursus ini juga mempertengahan beberapa teori seni yang mempengaruhi falsafah, konsep dan bahan dalam konteks rekabentuk. Beberapa aspek kreativiti dan perkembangan rekabentuk yang berkaitan turut dikaji. Perhatian turut diberi kepada jangka masa, stail, citarasa, fungsi serta sudut semantik produk.

VRA 106/3 ASAS NARATIF DAN PENJANAAN IMEJ

Kursus ini menekankan aspek-aspek persepsi dan pemahaman prinsip serta teori dalam rekabentuk struktur naratif. Ia juga meliputi unsur kajian analitikal dan kritis dalam rekabentuk struktur naratif. Rekabentuk struktur naratif ini diaplikasi dan didokumen dalam bentuk karya bertulis dan digital.

VRA 107E HERITAGE DESIGN

This course exposes students to the basic definitions and types of heritage and design. The course also provides opportunity for students to survey the relationship between cultural formation and design creation that cut across cultural, racial and national differences. The course describes several basic principles that underlie traditional Asian design and its relation to cross-cultural design practices. The core content is the exposure to overlapping paradigms in the process of cultural formation and design creation – modern/mass media and post-modern/multimedia. This course emphasizes on discussion, discourse, seminar, brainstorming, group work and collaborative research.

VRA 108/2 PRAKTIS STUDIO VISUAL 2

Kursus ini memfokuskan kepada penciptaan karya seni. Ia memberi penekanan kepada kemahiran pemerhatian, penterjemahan visual yang berkualiti dalam proses pembinaan idea serta memberi pengalaman asas dalam menghasilkan karya berdasarkan kefahaman elemen dan prinsip seni dan rekabentuk. Pelajar juga diberi peluang untuk melakukan eksplorasi pelbagai jenis media dan eksperimentasi dengan teknik-teknik yang berbeza dalam aktiviti studio.

VRA 109/3 MEDIA INTERAKTIF 1

Kursus ini adalah kursus pengenalan kepada rekabentuk interaktif. Pelajar akan diperkenalkan kepada isu-isu yang merangkumi persekitaran, bentuk, teknik and konsep media interaktif. Kursus ini juga memberi penekanan kepada teknologi laman sesawang di mana intergrasi konsep, acara, kandungan akan diterapkan dalam projek berbentuk laman sesawang dan prototaip digital. Kursus ini juga akan meneroka peranan artis dan pereka dalam bidang proses pembelajaran/penyesuaian rekabentuk interaktif, perisian terbaru, praktis baik dan pengaturcaraan. Strategi-strategi untuk meningkatkan kemahiran asas, menjana idea, prototaip, pembentangan dan kolaborasi adalah komponen-komponen yang akan dimuatkan dalam kursus ini.

VPT 211//2 BAHAN DAN PROSES

Kursus ini mendedahkan para pelajar kepada jenis-jenis bahan asas seperti kayu, plastik, besi, seramik dan sebagainya. Bahan-bahan dan karekternya akan diterangkan bagi memudahkan pemahaman tentang proses pembuatan dan pembentukkan yang biasanya dilakukan dalam penghasilan sesuatu rekabentuk produk dan perabot. Selain itu, proses-proses asas yang melibatkan pemesinan, pengfabrikasian dan pengacuanan akan turut diliputi di dalam kursus ini.

VPT 212E/2 COMPUTER MODELING 2

This course will introduce students to the 3D software that is 3D Max Studio and Solidwork. Students will be trained at a higher skill level while animating for the final design.

VPT 213E/2 TECHNICAL DRAWING 2

This course is an extension course to Technical Drawing 1. In this course, a higher level of AutoCad software will be used in producing detail technical drawings. Students will have to produce detail technical drawing for Product Design and Furniture Design course. Technical drawings needed are orthographic drawing, isometric drawing, exploded view drawing, detailed assembly drawing, detailed drawing and other related technical aspects.

VPT 214/2 ERGONOMIK DALAM REKABENTUK

Kursus ini adalah pengenalan tentang ergonomik yang menekankan pemahaman terhadap kepentingan rekabentuk. Ia melibatkan pemerhatian tentang interaksi antara manusia, rekabentuk dan persekitaran. Aspek fizikal dan psikologi manusia turut

diambil kira dalam pengaplikasian sesuatu rekabentuk bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan keselesaan pengguna.

VPT 215/3 REKABENTUK PRODUK 1

Kursus ini merupakan kursus di peringkat awal di dalam bidang rekabentuk produk. Pendedahan dan penekanannya lebih kepada asas penyelidikan, konsep asas, bahan, perkembangan idea dari segi bentuk dan fungsi kepenggunaan serta keperluan asas teknikal yang berkaitan. Para pelajar akan menggunakan kemahiran dan pengetahuan teknikal serta kepekaan nilai estetik mereka di dalam proses perkembangan idea untuk menghasilkan (menyelesaikan masalah) rekabentuk produk yang mempunyai fungsi dan bentuk yang menarik. Di akhir semester, pelajar haruslah melengkapkan projek yang telah diberikan, termasuklah pembentangan, lakaran dan perkembangan idea, model berskala, model sebenar, penyelidikan dan laporan rekabentuk.

VPT 216/3 REKABENTUK PERABOT 1

Kursus ini merupakan kursus peringkat awal di dalam bidang rekabentuk perabot. Pendedahan dan penekanannya lebih kepada asas pengkajian atau penyelidikan, pemahaman asas konsep, bahan, perkembangan idea dari segi bentuk dan fungsi, pembuatan prototaip serta keperluan asas teknikal yang berkaitan. Para pelajar akan menggunakan kemahiran dan pengetahuan teknikal dan nilai estetika di dalam proses perkembangan idea untuk menghasilkan perabot yang berfungsi dan menarik. Di akhir semester, pelajar haruslah melengkapkan projek yang melibatkan pembentangan secara verbal dan visual, lakaran dan perkembangan idea, model berskala, model sebenar, lukisan teknikal, penyelidikan dan laporan rekabentuk.

VPT 220/10 LATIHAN INDUSTRI

Kursus ini memberikan peluang kepada para pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari di peringkat universiti. Di samping itu, para pelajar juga dapat menimba pengalaman di industri yang sebenar. Sepanjang tempoh latihan amali dijalankan, para pelajar dapat mengadaptasi segala teori dan kemahiran dalam membuat projek yang sebenar mengikut kehendak pasaran.

VPT 304/3 PENGURUSAN REKABENTUK PERINDUSTRIAN

Kursus ini memberi pendedahan kepada para pelajar tentang kaedah menguruskan sesebuah projek rekabentuk yang melibatkan sesuatu produk atau servis. Maklumat tentang bayaran khidmat profesional dan perjanjian kontrak turut diberikan. Keseluruhan kursus ini bertujuan untuk memastikan para pelajar dapat mengendali sesuatu projek rekabentuk secara professional dan beretika.

VPT 305/3 REKABENTUK PRODUK 2

Kursus ini merupakan kursus lanjutan daripada Rekabentuk Produk 1. Penekanan diberikan kepada penyelidikan dan penganalisan, permasalahan dan penyelesaian masalah, perkembangan idea yang melibatkan konsep rekabentuk, ciri-ciri rekabentuk, ergonomik dan isu-isu teknikal yang berkaitan. Para pelajar akan

mengaplikasikan kemahiran dan pengetahuan teknikal yang dipelajari sebelum ini melalui proses rekabentuk dengan mengformulasikan beberapa penyelesaian masalah

pada sesebuah produk. Di akhir semester, pelajar haruslah melengkapkan projek yang melibatkan pembentangan secara verbal dan visual, lakaran dan perkembangan idea, model berskala, model sebenar, lukisan teknikal, penyelidikan dan laporan rekabentuk.

VPT 306/3 REKABENTUK PERABOT 2

Kursus ini adalah kursus lanjutan daripada Rekabentuk Perabot 1. Penekanan kursus ini adalah pada keperluan pasaran, mass production, produksi dan teknikal, pembungkusan, penjenamaan dan kos. Di akhir semester, pelajar haruslah melengkapkan projek yang melibatkan pembentangan (secara verbal dan visual), lakaran dan perkembangan idea, model berskala, model sebenar, lukisan teknikal, penyelidikan dan laporan rekabentuk.

VRE 301E/4 CREATIVE ENTREPRENEUESHIP

This course identifies the understanding in entrepreneurship in the creative industries by integrating elements of creative industries developments like logistics, tender and offers, method of marketing and promotion of creative products. Students are trained to think critically in promotional and marketing tactics in the creative industries.

VRT 301/4 METODOLOGI PENYELIDIKAN REKABENTUK

Kursus ini memberi tumpuan kepada penyelidikan rekabentuk yang memenuhi objektif-objektif tertentu. Pelajar akan meneliti beberapa pendekatan berhubung dengan kajian berlandaskan seni dan studio; dan prosedur penyelidikan yang merangkumi kaedah persampelan dan pengumpulan data. Kursus ini juga memberikan penekanan kepada isu-isu etika dalam penyelidikan. Pelajar berpeluang untuk menulis satu cadangan penyelidikan seni dan menjalankan satu projek penyelidikan yang kecil secara berkumpulan.

VPT 411/4 PROJEK REKABENTUK 1

Dalam kursus ini, tumpuan pembelajaran lebih kepada penyelidikan. Para pelajar diwajibkan untuk menyediakan cadangan tajuk penyelidikan dan tajuk tersebut mestilah berkaitan dengan bidang pengkhususan masing-masing. Penyelia iaitu penasihat yang terdiri dari kalangan pensyarah yang berkaitan dengan bidang penyelidikan akan mengawasi perkembangan penyelidikan secara berterusan sepanjang semester iaitu melalui sesi perbincangan dan pembentangan. Markah akan dinilai untuk kemajuan secara kumulatif, usaha dan hasil. Hasil dapatan kajian dari penyelidikan akan digunakan untuk Projek Rekabentuk 2 (Rekabentuk Perindustrian).

VPT 412/4 PROJEK REKABENTUK 2

Dalam kursus ini, para pelajar ditumpukan kepada pelaksanaan dan penyempurnaan penyelidikan iaitu sambungan daripada Projek Rekabentuk 1 (Rekabentuk Perindustrian). Para pelajar berinisiatif terhadap proses rekabentuk dengan

pembuatan model yang sebenar dan sekaligus menghasilkan draf penulisan untuk semakan. Pada akhir semester, pelajar diwajibkan untuk mempamerkan projek akhir mereka dan menghantar laporan penyelidikan yang siap dijilid mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Lembaga Universiti. Penilaian akhir akan dilakukan oleh para pensyarah untuk kedua-dua bahagian tersebut untuk markah akhir.

IJAZAH SARJANA MUDA SENI MUZIK [KEPUJIAN]

SENI PERSEMBAHAN DAN PEDAGOGI

VZA 101/4 PENGANTAR SENI MUZIK

Kursus ini mendedahkan kepada pelajar unsur-unsur muzik serta alat-alat muzik yang terdapat di dunia Timur dan Barat. Elemen-elemen muzik seperti irama, melodi dan harmoni serta konsep mengenai bentuk dan struktur muzik akan dikaji. Perhubungan di antara stail muzik dan konteks sosial di beberapa negara terpilih akan dikaji.

VZM 101/2 ASAS TEORI MUZIK [PEMULIHAN]

Kursus ini memperkenalkan elemen-elemen asas dalam teori muzik yang merangkumi jeda, tanda masa, tanda nada, ritma, skel, kord dan kaden sehingga Gred 5.

VZM 102/3 ASAS-ASAS PEDAGOGI MUZIK

Kursus ini merupakan kursus asas dalam bidang pedagogi muzik. Pelajar akan didedahkan kepada konsep-konsep asas pendidikan dan teori-teori pembelajaran muzik. Selain daripada itu, tinjauan ke dalam kaedah-kaedah pengajaran semasa seperti Kodaly, Gordon dan Montessori akan dijalankan serentak dengan latihan pengajaran. Teknik persembahan muzikal pada peringkat asas juga akan dijalankan bersama.

VZM 105/2 ASAS KEAHLIAN MUZIK

Kursus ini menekan kemahiran seni muzik yang merangkumi elemen muzik barat zaman Barok dan Klasikal serta elemen muzik tradisional Timur. Pendengaran, rencana, nyanyian semerta, transkripsi muzik dan persembahan juga dipelajari.

VZM 148E/2 BASIC KEYBOARD

This practical course introduces basic keyboard techniques such as harmonization, transposition, sight reading, improvisation etc.

VZM 152/2 KEMAHIRAN AURAL

Kursus ini memberi pengenalan kepada proses kemahiran pendengaran. Kursus ini juga memberi pendedahan dan kefahaman kepada pelajar terhadap aspek-aspek asas dalam teknik pendengaran muzik. Pengetahuan dalam teknik-teknik gubahan muzik akan membantu pelajar mempertingkatkan kemahiran pendengaran muzik.

VZM 156/2 TEORI MUZIK 1

Kursus ini bertujuan mempertingkatkan pengetahuan pelajar mengenai elemen-elemen teori yang terkandung dalam karya muzik daripada abad ke-17. Elemen-elemen yang akan dikaji ini merangkumi harmoni, struktur melodi, bentuk, instrumentasi dan kaunterpoint dalam muzik yang tonal.

VZM 162/3 MUZIK DUNIA

Kursus ini memperkenalkan muzik masyarakat terpilih di Asia, Afrika dan Pasifik. Unsur-unsur sistem muzik (seperti mod, skel, meter, ritma, bentuk, sistem tiunan) dan konsep-konsep muzik pelbagai budaya dibandingkan. Perhubungan muzik dengan konteks sosial dan perubahan sejarah dikaji.

VZM 182E/2 CONTEMPORARY MUSIC ENSEMBLE 1

This course emphasizes performing of musical instruments and voices at a basic level. The students are given opportunities to rearrange instrumental and vocal compositions at the basic level and having those pieces performed by members in the ensemble.

VZM 186/2 ENSEMBEL MUZIK TRADISIONAL 1

Kursus praktikal ini menitikberatkan seni persembahan gamelan secara ensemble pada peringkat asas. Setiap pelajar harus mempelajari dua alat muzik yang berlainan dalam permainan 2 lagu gamelan tradisional dan 2 lagu gamelan kontemporari. Latihan amali ditambahkan dengan perbincangan mengenai sejarah, stail, struktur, repertoire dan fungsi ensemble gamelan Melayu.

VZM 189/2 MUZIK GUNAAN 1

Kursus amali ini memperkenalkan kepada pelajar pada peringkat awal, teknik persembahan dalam alat pilihan pelajar. Kawalan alat muzik terpilih akan dititikberatkan khasnya dari segi produksi ton, ketepatan ritma dan lain-lain. Karya yang dipilih akan merangkumi kesemua zaman.

VZM 197E/2 KEYBOARD 1

This practical course is a continuation of VZM 148E, introduces keyboarding techniques such as harmonization, transposition, sight reading, improvisation and so on at a more advance level.

VZM 202E/2 BASIC MUSIC TECHNOLOGY

This course introduces students to basic electronic music from a theoretical as well as historical perspective. The application of electronic medium in music composition will be studied. Students will learn notational programmes such as SIBELIUS and FINALE.

VZM 206/2 TEORI MUZIK 2

Kursus ini adalah lanjutan kursus VZM156. Pembelajaran mengenai analisis muzik tonal adalah dari zaman Barok ke zaman Romantik. Bentuk muzik seperti binari ringkas, binari pantul balik, ternari, fuga dan sonata juga diperkenalkan. Karya muzik dikaji dengan terperinci dari pelbagai segi seperti bentuk, struktur melodi,

tekstur dan tonaliti.

VZM 211/4 ESTETIK MUZIK KONTEMPORARI

Kursus ini mengemukakan kepada pelajar pelbagai isu-isu yang berkaitan kepada perkembangan muzik terkini. Pelajaran estetik muzik kontemporari dibahagikan kepada muzik 'avant garde' dan muzik popular. Muzik filem dan muzik video juga akan di kaji.

VZM 218/3 SEJARAH MUZIK BARAT

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar muzik dari zaman Pertengahan ke zaman Klasikal dalam sejarah muzik klasik Barat. Karya-karya muzik terpilih dari komposer terkenal dikaji dalam konteks sejarah dan perkembangan gaya.

VZM 227E/3 PEDAGOGY & INSTRUMENTAL REPERTOIRE 1

This course is in the area of music pedagogy. Students will be exposed to the advanced concepts and learning theories in music. In addition, a comprehensive survey of current teaching approaches for example by Suzuki, Orff and Dalcroze will be conducted simultaneously with practicum sessions. Performance techniques at the advance level will also be emphasized.

VZM 229/2 MUZIK GUNAAN 2

Ini adalah kursus lanjutan VZM189. Pada peringkat kedua ini, teknik persembahan yang lebih kompleks akan dipelajari dalam pilihan alat pelajar. Kawalan alat muzik terpilih akan dititikberatkan khasnya dari segi produksi ton, ketepatan ritma dan lain-lain. Karya yang dipilih akan merangkumi kesemua zaman.

VZM 233/2 ENSEMBEL MUZIK KONTEMPORARI 2

Kursus amali ini adalah lanjutan kursus VZM182E. Pelajar diberi peluang untuk bermain alat-alat muzik dan nyanyian secara ensemble pada peringkat yang lebih maju. Pelajar juga diberi peluang untuk menyusun semula karya-karya instrumental dan vokal dan seterusnya dipersembahkan oleh ahli-ahli ensemble ini.

VZM 236/2 ENSEMBEL MUZIK TRADISIONAL 2

Kursus praktikal ini menitikberatkan seni persembahan gamelan secara ensemble pada peringkat kedua. Setiap pelajar harus mempelajari alat muzik tambahan yang berlainan dalam permainan 2 lagu gamelan tradisional dan 2 lagu gamelan kontemporari. Latihan amali ditambahkan dengan perbincangan mengenai sejarah, stail, struktur, repertoir dan fungsi ensemble.

VZM 238E/2 CONDUCTING AND SCORE READING

This course exposes the students to various performing media such as chamber choir, chamber orchestra, brass band and instrumental jazz band ensemble. Students will also learn and apply the conducting techniques and practice proper score reading and music transcription. Instrumentation techniques and rehearsal procedures will also be learned.

VZM 247/2 KOIR 1

Kursus ini menyediakan para pelajar secara berperingkat dan bertingkat mengenai seni paduan suara. Silibus mengenai pembelajaran vokal secara berkumpulan menjurus kepada aspek (a) penafasan, (b) resonans, (c) sebutan jelas, dan (d) penjiwaan. Pada peringkat pertama ini bahan koir muzik (a) Tanah Air, (b) Popular

Malaysia dan Barat serta (c) Klasik Barat yang mudah akan diterokai. Disamping

nyanyian semerta, para pelajar juga akan didedahkan kepada latar belakang sejarah yang menginspirasi karya-karya ini. Semua bahan muzik perlu dihafal semasa persembahan.

VZM 252/2 PENERBITAN DESKTOP DAN SEKUEN MUZIK TEKNOLOGI 2

Kursus ini memperkenalkan teknik notasi muzik dengan penggunaan perisian Sibelius/FINALE serta aspek gubahan muzik dengan alat komputer. Teknik notasi muzik secara konvensyen akan diaplikasikan dalam penggunaan alat komputer untuk menghasilkan skor serta susunan muzik dengan lebih pantas dan profesional. Skor muzik elektronik dalam dunia muzik komersil dan muzik ‘art’ akan dipelajari.

VZM 256/2 TEORI MUZIK 3

Kursus ini memperkenalkan para pelajar kepada pelbagai bahan dan teknik ciptaan muzik abad ke-20 dan ke-21. Melalui analisis, para pelajar akan memahami inovasi ketara yang berlaku dalam trend muzik – perluasan tonaliti, atonaliti, serialisme, muzik aleatorik, indeterminasi, stokastik, eklektisisme kolaj dan muzik elektronik. Pelajar juga akan menerokai pelbagai penghasilan skel, kord, harmoni, ritma, struktur, timbre dan tekstur.

VZM 263/3 MUZIK MALAYSIA

Kursus ini mengkaji perkembangan muzik di Malaysia dan terbahagi kepada tiga bahagian. Yang pertama, meninjau muzik tradisional Malaysia seperti muzik Wayang Siam, Makyong Mekmulumung dan Joget Gamelan. Yang kedua, meninjau perkembangan muzik kawasan bandar yang sinkretik seperti muzik bangsawan, orkestra Melayu dan ronggeng asli yang wujud pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Yang ketiga, mengkaji perkembangan muzik popular tahun 1950an sehingga masakini. Muzik dari Sabah, Sarawak, kaum Cina, India dan orang asli juga dibincangkan.

VZM 277E/3 PEDAGOGY & INSTRUMENTAL REPERTOIRE 2

This course is an extension of VZM227E in the area of music pedagogy. Students will study advance concepts and learning theories in music. Teaching and performance aspects at a higher level will be emphasized.

VZM 278/3 SEJARAH MUZIK BARAT 2

Kursus ini adalah lanjutan dari kursus VZM218. Pelajar diberi kefahaman dalam sejarah muzik klasik Barat dari zaman Romantik hingga Abad ke-21. Karya-karya muzik terpilih oleh komposer terkenal dikaji dalam konteks sejarah.

VZM 286/2 ENSEMBEL MUZIK TRADISIONAL 3

Kursus praktikal ini menitikberatkan seni persembahan gamelan secara ensemble pada peringkat pertengahan. Setiap pelajar harus mempelajari alat muzik tambahan yang berlainan dalam permainan 2 lagu gamelan tradisional dan 2 lagu gamelan

kontemporari. Latihan amali ditambahkan dengan perbincangan mengenai sejarah, stail, struktur, repertoire dan fungsi ensembel gamelan.

VZM 297E/2 CHOIR 2

This course aims to provide students with a systematic and progressive approach towards the study of voice in a group setting. The syllabus focuses on choral music training with emphasis on (a) breathing techniques, (b) resonance singing, (c) lyric diction, and (d) interpretation skill.

This second-level course is designed for students to explore works from the Renaissance, Baroque, Classical and Romantic eras. Apart from sight singing, students will also be made aware of the historical background that inspired these pieces. All music must be memorized for performances.

VZM 289/2 MUZIK GUNAAN 3

Kursus ini adalah kursus lanjutan VZM229. Pada peringkat ketiga, karya-karya yang lebih mencabar dan kompleks dari segi teknik. Aspek persembahan dan kawalan alat

muzik masih dititikberatkan khasnya dari segi produksi ton, ketepatan ritma dan lain-lain. Karya yang dipilih akan merangkumi kesemua zaman.

VZM 302/2 TEKNOLOGI MUZIK

Kursus ini adalah lanjutan daripada Asas teknologi Muzik. Muzik elektronik dari segi teoritikal dan sejarah serta aplikasi medium elektronik dalam gubahan muzik akan dipelajari dengan lebih mendalam. Berbagai stail gubahan dengan medium komputer akan diteliti. Pelajar juga akan di beri peluang membuat eksperimen serta eksplorasi berbagai stail terkini dalam gubahan muzik.

VZM 315/4 TEORI DALAM ETNOMUZIKOLOGI

Kursus ini membincangkan teori-teori dan kaedah-kaedah penting dalam etnomuzikologi. Pendekatan-pendekatan teori seperti organologi, simbolisme, struktur muzik sebagai struktur sosial, dan kajian muzik dalam kebudayaan akan dibincangkan. Kaedah-kaedah penyelidikan dan analisis muzik juga dikaji

VZM 329/2 MUZIK GUNAAN 4

Kursus ini membincangkan teori-teori dan kaedah-kaedah penting dalam etnomuzikologi. Pendekatan-pendekatan teori seperti organologi, simbolisme, struktur muzik sebagai struktur sosial, dan kajian muzik dalam kebudayaan akan dibincangkan. Kaedah-kaedah penyelidikan dan analisis muzik juga dikaji

VZM 332/2 ENSEMBEL MUZIK CONTEMPORARI 3

Pelajar menyambung pembelajaran mengenai seni persembahan dalam instrumentasi yang sama seperti dalam kursus sebelum ini. Kursus ini menekankan kemahiran seni muzik yang merangkumi aspek harmoni moden dan teknik menguasai lisan, mengtranskripsikan muzik dan pendengaran lebih mencabar. Kursus ini juga menekankan kreatif penulisan gubahan muzik yang lebih matang dan kemahiran persembahan yang lebih meyakinkan.

VZM 336/2 ENSEMBEL MUZIK TRADISIONAL 4

Kursus praktikal ini menitikberatkan seni persembahan gamelan secara ensemble pada peringkat maju. Setiap pelajar harus mempelajari alat muzik tambahan yang berlainan dalam permainan 2 lagu gamelan tradisional dan 2 lagu gamelan kontemporari. Latihan amali ditambahkan dengan perbincangan mengenai teori, pelbagai stail gamelan di Indonesia dan Malaysia dan repertoire kontemporari.

VZM 347/2 KOIR 3

Kursus ini menyediakan para pelajar secara berperingkat dan bertingkat mengenai seni paduan suara. Silibus mengenai pembelajaran vokal secara berkumpulan menjurus kepada aspek (a) penafasan, (b) resonans, (c) sebutan jelas, dan (d) penjiwaan. Pada peringkat ke-3 ini (VZM347), bahan koir muzik yang terdiri daripada repertoire Muzik Abad ke-20, serta muzik kontemporari dari rantau Asia Timur dan Asia Tenggara diterokai. Disamping nyanyian semerta, para pelajar juga akan didedahkan kepada latar belakang sejarah yang menginspirasi karya-karya ini. Semua bahan muzik perlu dihafal semasa persembahan.

**VZM 352/2 PENERBITAN DESKTOP DLM MUZIK TEKNOLOGI
2**

Kursus ini akan memperkenalkan teknik notasi muzik dengan penggunaan *software Sibelius dan Finale* serta aspek gubahan muzik dengan alat komputer pada peringkat maju. Tumpuan akan diberikan kepada berbagai notasi bercorak eksperimen serta komersial dalam penghasilan muzik terkini. Teknik dan stail notasi secara lebih profesional akan dipelajari.

VZM 361/4 SEJARAH TEKNOLOGI MUZIK

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada pengaruh teknologi media elektronik dalam sejarah muzik moden dari segi muzik komersial dan 'art music'. Kajian perkembangan muzik dari akhir abad ke 19 sehingga muzik terkini akan dikaji dari segi pengenalan dan penggunaan alat-alat elektronik dalam proses gubahan muzik.

VZM 390/8 LATIHAN INDUSTRI

Kursus ini memperluaskan pengetahuan pelajar mengenai bidang seni muzik melalui latihan amali. Pelajar akan terlibat selama 16 minggu dalam muzik teknologi, pendidikan muzik, organisasi muzik dan lain-lain.

VZM 397/2 KOIR 4

Kursus ini menyediakan para pelajar secara berperingkat dan bertingkat mengenai seni paduan suara. Silibus mengenai pembelajaran vokal secara berkumpulan menjurus kepada aspek (a) penafasan, (b) resonans, (c) sebutan jelas, dan (d) penjiwaan. Pada peringkat ke-4, bahan koir yang terdiri daripada repertoire kesemua zaman, termasuk Muzik Abad ke-20 dan ke-21, karya eksperimental serta karya luasan teknik vokal diterokai. Disamping nyanyian semerta, para pelajar juga akan didedahkan kepada latar belakang sejarah yang menginspirasi karya-karya ini. Semua bahan muzik perlu dihafal semasa persembahan.

VZM 400/8 PROJEK MUZIK

Kursus ini memberi peluang kepada pelajar sama ada untuk menjalani satu resital solo atau penulisan tesis mini. Dalam persembahan resital, pelajar akan menyediakan satu konsert persembahan sekurang-kurangnya 45 minit yang merangkumi karya-karya pelbagai zaman dan stail. Karya-karya yang dipilih juga mencabar dan kompleks. Dalam penulisan tesis mini, pelajar akan diberi peluang untuk memilih satu topik berasaskan pedagogi, teori, sejarah atau etnomuzik.

VZM 422E/3 MUSIC LITERATURE 1

This is a course in instrumental literature from the Baroque and the Classical periods. Compositional styles will also be studied in detail.

VZM 442/3 PEDAGOGI TEORI MUZIK

Kursus ini memberi peluang kepada pelajar untuk mendapat bimbingan dalam cara pengajaran teori muzik tawaran ABRSM dan Trinity College London. Tumpuan khas diberi kepada pengajaran Gred 6 – 8.

VZM 482E/3 MUSIC LITERATURE 2

This is a music literature course from the Romantic period and the 20th Century. The students will be exposed to important compositions from composers of these periods. Compositional style will also be studied in detail.

8.0 MAKLUMBALAS PELAJAR

Tujuan borang maklumbalas ini ialah untuk mendapatkan maklum balas pelajar isu kandungan Buku Panduan Rancangan Pengajian (BPRP). Maklumbalas ini berguna untuk penambahbaikan BPRP ini.

Bagi item 1 – 5 di bawah, sila berikan respon anda berdasarkan empat skala di bawah:

1 - Amat tidak bersetuju	2 – Tidak bersetuju	3 – Bersetuju	4 – Amat bersetuju
--------------------------	---------------------	---------------	--------------------

Sila bulatkan nombor berkenaan

1. Buku panduan ini amat berguna.

1	2	3	4
---	---	---	---

2. Maklumat yang disediakan adalah tepat.

1	2	3	4
---	---	---	---

Jika anda memilih 1 atau 2 bagi item di atas, sila nyatakan muka surat yang terdapat maklumat yang tidak tepat.

--

3. Maklumat yang disediakan oleh Buku Panduan ini jelas dan mudah difahami

1	2	3	4
---	---	---	---

4. Secara keseluruhan, kualiti Buku Panduan ini adalah baik.

1	2	3	4
---	---	---	---

5. Saya lebih suka menggunakan cakera padat (CD) berbanding Buku Panduan ini.

1	2	3	4
---	---	---	---

6. Jika ada maklumat lain yang anda fikirkan perlu untuk memantapkan lagi Buku Panduan ini, sila cadangkan dalam ruangan di bawah.

--

Sila hantar borang ini ke Pejabat Am Pusat Pengajian pada minggu Ke-4 Semester 1, Sidang Akademik 2022/2023